



اَوْنِيُوْرَسِيْتِي تِيكْنُوْلُوْجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

S. AZLI

ARTIS TANAH AIR MALAYSIA

MENGENAI LATAR BELAKANG, PENGALAMAN HIDUP DAN
PENGLIBATAN BELIAU DALAM BIDANG SENI

FARAH AMIRA BINTI MOHAMAD YUSOF

(2022745817)

NURUL SYAHIRAH BINTI MOHD SHAIFFE @ MOHD SHAFIE

(2022908143)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

KOLEJ PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK, DAN MEDIA

SEMESTER OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
ABREVIASI	iv
RUJUKAN KATA	vi
SINGKATAN	x
1.0 Biodata Penemubual.....	1
2.0 Biodata Tokoh.....	3
3.0 Pengenalan.....	4
4.0 Kajian Literatur.....	5
4.1 Industri Tanah Air	5
4.2 Artis Veteran	6
4.3 Industri Lakonan	7
4.4 Industri Kreatif	8
5.0 Transkrip Temubual	10
5.1 Tembual Bahagian 1	10
5.2 Temubual Bahagian 2	94
6.0 Log Temubual	148
7.0 Ralat	160
8.0 Glosari	161
9.0 Indeks	165
10.0 Bibliografi	168
11.0 Lampiran.....	169
11.1 Biografi Tokoh.....	169
11.2 Surat Perjanjian.....	170
11.3 Surat Pengakuan Penerimaan Salinan Transkrip	171
11.4 Senarai Soalan.....	172
11.5 Diari Penyelidikan.....	176
11.6 Gambar dan bahan lain yang berkaitan.....	183

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang hasil temubual pengalaman seorang tokoh artis veteran iaitu Ghazali bin Sahabudin atau lebih dikenali dengan panggilan S.Azli. Beliau telah melibatkan diri dalam industri seni sejak muda lagi iaitu pada era 60 an sehingga ke hari ini. Justeru, beliau memulakan kerjaya seninya dengan bakat nyanyian yang telah dimiliki sejak di bangku sekolah lagi. Kemudian, beliau terus mengorakkan langkah beliau dengan menyertai bidang lakonan yang telah menjadikan beliau sebagai artis seni yang masih kekal relevan sehingga kini. Walaupun terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa diharungi, beliau tetap kental dan cekal dalam menghadapinya. Seperti yang kita tahu, artis veteran semakin dilupakan dan ramai generasi muda pada masa kini tidak tahu akan kewujudan mereka. Lantaran itu, tujuan transkrip ini dihasilkan adalah untuk memberi inspirasi kepada generasi akan datang berkaitan pahit manis pengalaman yang dikongsikan oleh Encik S.Azli sendiri. Beliau turut meletakkan pengharapan kepada industri seni supaya mampu memberikan dan menghasilkan karya-karya yang terbaik tidak kira dalam bidang lakonan ataupun nyanyian pada masa yang akan mendatang.

Kata kunci: Artis veteran, S.Azli, tokoh, pelakon, penyanyi, bidang seni.

ABSTRACT

This transcript discusses the interview results of the experience of a veteran artist who is Ghazali bin Sahabudin or better known as S.Azli. He has been involved in the art industri since he was young, in the 60s until today. Therefore, he started his artistic career with the talent of singing that he had since he was still in school. Later, he continued his steps by joining the field of acting which has made him an artist who still remains relevant until now. Despite the many challenges he had to overcome, he remained strong and tenacious in facing them. As we know, veteran artists are increasingly being forgotten and many of the younger generations nowadays don't even know of their existence. Therefore, the purpose of this transcript is to inspire the next generation regarding the sweet and bitter experiences shared by Mr. S.Azli himself. He also placed his hopes on the art industri to be able to provide and produce the best works regardless of acting or singing in the future.

Keywords: Veteran artist, S.Azli, figure, actor, singer, art field.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurnianya kami dapat menyelesaikan projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Jafalizan bin Md Jali sebagai pensyarah kami bagi subjek Oral History (IMR604) kerana telah memberi peluang untuk melakukan tugas ini serta memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga kami dapat menghasilkan tugas ini dengan jayanya. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Ghazali bin Shabudin kerana sudi memberi kerjasama untuk menjadi responden kami bagi projek Sejarah Lisan ini.

Seterusnya, kami sangat berterima kasih kepada ibu bapa kami atas sokongan, perhatian, doa dan kerana memahami keadaan yang kami tempuhi. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan kami yang sentiasa menyokong dan memberi pandangan sepanjang proses penghasilan tugas ini. Diharapkan agar hasil tugas ini dapat memberi manfaat kepada pembaca atau mana-mana individu pada masa hadapan.

TERIMA KASIH

ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
BMX	Bicycle Moto Cross
EPF	Employees Provident Fund
FINAS	National Film Development Corporation Malaysia
KL	Kuala Lumpur
MPMJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MARDEC	Malaysia Rubber Development Corporation
MACP	Music Authors Copyright Protection
NGO	Non-Governmental Organization
PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
RTM	Radio Televisyen Malaysia
TV	Televisyen

UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UM	Universiti Malaya
VVIP	very very important person
WS	Whatsapp
RPM	Recording Performers Malaysia

RUJUKAN KATA

Takde	Tiada
Dok	Duduk
Kitaorang	Kami
Lepastu	Selepas itu
Pehtu	Selepas itu
Kat	Di
Gitulah	Begitulah
Gitu	Begitu
Dah	Sudah
Gi	Pergi
Tau	Tahu
Diaorang	Mereka
Haritu	Hari itu

Tulah	Itulah
Je	Sahaja
Takmau	Tidak mahu
Sorang	Seorang
Masatu	Masa itu
Mai	Datang
Omputih	Orang putih
Atok	Datuk
Meninggal	Meninggal dunia
Beradik	Adik-beradik
Laki	Lelaki
Bubuh	Letak
Tak	Tidak
Pencen	Bersara

Depa	Mereka
Takleh	Tak boleh
Sapa	Siapa
Jap	Sekejap
Takmo	Tidak mahu
Kang	Nanti
Mende	Benda
Tara	Takat
Aje	Sahaja
Salu	Selalu
Nak	Hendak
Berbeuk	Beriramakan
Dik	Adik
Meh	Mari

Pi	Pergi
Dak	Tak
Kawtim	Uruskan
Tak payah	Tidak perlu
Toksah	Tidak perlu
Taruh	Letak
Pekik	Menjerit
Cocok	Cucuk
Na	Ya [Pelat Pulau Pinang]
Payah	Susah
Kome	Kalian [Pelat Perak]
Kot	Rasanya

SINGKATAN

GSH: Ghazali Bin Shabudin

NSS: Nurul Syahirah Binti Mohd Shaiffe @ Mohd Shafie

FAY: Farah Amira Binti Mohamad Yusof

1.0 Biodata Penemubual

1.0 Biodata Penemubual




Penemubual Pertama	
Nama	Nurul Syahirah Binti Mohd Shaiffe @ Mohd Shafie
Tarikh Lahir	24 Disember 2001
Tempat Lahir	Taiping, Perak
Alamat	No 17, Jalan Baru Batu 7, 34850 Changkat Jering, Taiping Perak.
Nombor Telefon	011-40208268
Email	eyrahshf@gmail.com
Program	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)



Penemubual Kedua	
Nama	Farah Amira Binti Mohamad Yusof
Tarikh Lahir	12 Julai 2001
Tempat Lahir	Ipoh, Perak
Alamat	No 42, Tingkat Kedidi 1, Taman Sempadan, 14300 Nibong Tebal Pulau Pinang
Nombor Telefon	011-69399699
Email	famyamira127@gmail.com
Program	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

2.0 Biodata Tokoh

2.0 Biodata Tokoh



Tokoh Artis Veteran	
Nama	Ghazali bin Shabudin
Nama samaran	S.Azli
Tahun Lahir	1948
Tempat Lahir	Bukit Mertajam, Pulau Pinang
Alamat	Permatang Pasir, 13600 Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
Nombor Telefon	013-6391446
Profesion	Pelakon, penyanyi, pelawak, komposer
Bidang	Lakonan, nyanyian

3.0 Pengenalan

3.0 Pengenalan

Sejarah lisan merupakan salah satu teknik kajian yang menyimpan pelbagai data dari masa lampau yang telah lama berlalu. Kewujudannya apabila berlakunya penemuan-penemuan baharu dan teknologi moden seperti politik, kewangan, perniagaan, sastera dan kehidupan moden yang merupakan salah satu perkara yang bersesuaian. Penyelidik sangat tertarik dengan kajian Sejarah Lisan kerana pelbagai pengalaman baharu dari segi melihat sejarah yang pelbagai dan dapat mendalami personaliti manusia dengan lebih dekat. Bidang ini merupakan kajian yang meluas serta mempengaruhi pelbagai golongan sebagai contoh golongan orang biasa, pemimpin, penulis, pengarang dan golongan yang berkaitan. (Rozeman, 2004).

Oleh itu, Herodotus telah menjalankan proses menemuramah individu dengan bertujuan mengumpul peristiwa-peristiwa penting tentang sejarah yang wujud pada masa dahulu. Sebagai perintis dalam bidang sejarah, beliau juga dianggap sebagai 'Bapa Sejarah' (Starr, 1984). Selepas itu, penulis Thucydides telah melopori bidang tersebut dengan menulis tentang peperangan Peloponnesian dengan menggunakan pengalaman tentera-tentera yang terlibat. (Monison, 1998). Terdapat kesukaran untuk menyatakan kebenaran oleh saksi kerana sukar untuk mengekalkan pengalaman tersebut dari keseluruhan cerita. Salah satu faktor perkara tersebut berlaku kerana usia yang meningkat atau trauma yang dialami oleh individu atau pelaku tersebut.

Prof. Allan Nevins akhirnya telah menghasilkan Projek sejarah lisan yang pertama di Universiti Columbia pada tahun (Nevins, 1984:29). Bidang kajian sejarah lisan pada tahun 1960-an telah mengembangkan sayapnya apabila diminati dari segenap aspek seperti Teknik serta cara penggunaan sumber sejarah yang terdapat diseluruh dunia. Tokoh-tokoh yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia merupakan salah satu sumber untuk mendapatkan informasi dalam menjalankan sejarah lisan. Proses penghasilan sejarah lisan memerlukan satu kaedah yang sistematik bagi memastikan sebuah hasil kajian yang bernilai sejarah dan objektif. Antara proses penting dalam sesebuah kajian sejarah lisan termasuklah perancangan awal kajian. Perancangan awal kajian ini merupakan langkah-langkah awal yang perlu diambil sebelum memulakan kajian.

4.0 Kajian Literatur

4.0 Kajian Literatur

4.1 Industri Tanah Air

Industri tanah air atau lebih dikenali sebagai industri seni yang merangkumi berbagai bidang atau cabang di bawah kelompok industri seni. Selain itu, industri seni juga dikenali sebagai industri kreatif. Industri kreatif ialah melibatkan pelbagai industri yang mempunyai kreativiti pada setiap individu, keterampilan mereka dalam sesuatu bidang, dan bakat yang perlu diasah atau dicungkil yang berpotensi untuk menjana sesuatu kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan kepada mereka yang terpilih melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek (Dasar Industri Kreatif Negara, n.d.). Dalam erti kata lain, industri kreatif ini juga merujuk kepada sesuatu seni untuk ekonomi yang akan melibatkan individu-individu diluar sana yang mempunyai bakat yang hebat dan pihak berkorporat seterusnya akan memberi implikasi yang baik kepada Malaysia dari segi mata pencarian (pendapatan) dan meningkatkan imej negara di persada dunia (Dasar Industri Kreatif Negara, n.d.). Industri Kreatif terbahagi kepada tiga industri iaitu Industri Kreatif Multimedia, Industri Kreatif Seni dan Budaya serta Industri Kreatif Warisan Budaya. Terdapat beberapa industri-industri yang telah dikategorikan di dalam Industri Kreatif Multimedia. Salah satunya ialah Penerbitan Filem dan Tv, Pengiklanan, Seni Reka dan Animasi dan Kandungan Digital (Dasar Industri Kreatif Negara, n.d.). Selain itu, industri-industri lain yang berada di bawah kelompok Industri Kreatif Seni ialah kraf, seni visual, seni Muzik, seni persembahan, penulisan kreatif dan fesyen serta tekstil (Dasar Industri Kreatif Negara, n.d.). Akhir sekali, Industri Kreatif Warisan dan Budaya merupakan satu industri yang berkaitan dengan warisan dan budaya yang perlu dikekalkan seperti aktiviti muzium, arkib, pemuliharaan dan pemuliharaan (Dasar Industri Kreatif Negara, n.d.).

Tambahan pula, industri tanah air juga boleh dikatakan sebagai sebuah Industri Hiburan yang merangkumi semua aspek berkaitan hiburan dengan karya-karya daripada orang-orang yang hebat. Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, hiburan didefinisikan sebagai tempat menghiburkan hati. Kata terbitan bagi hiburan ialah 'berhibur', 'menghiburkan', 'terhibur', 'hiburan', dan 'penghibur'. Perkara ini jelas menunjukkan kerjaya seorang anak seni merupakan seorang penghibur orang ramai dalam apa jua bidang tidak kira dalam bidang lakonan, nyanyian, tarian dan sebagainya. Sejak pandemik Covid-19 berlaku di seluruh negara termasuk Malaysia, segala aktiviti yang berkaitan dengan dunia hiburan amatlah terbatas. Hal ini kerana, semua pihak perlu

mematuhi SOP atau Standard Operating Procedure yang merupakan salah satu alternatif untuk memutuskan rantaian Covid-19 yang semakin menular di Malaysia. Tetapi, dengan Kerjasama oleh semua pihak industri seni hiburan tanah air semakin bernafas oleh kerana terdapat satu alternatif baru diwujudkan oleh pihak kerajaan dengan mengenakan syarat kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan dua suntikan dos vaksinasi supaya rakan-rakan artis dapat Kembali bekerja seperti biasa.

4.2 Artis Veteran

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, artis maksudnya ialah seorang penghibur tidak kira daripada pelbagai cara atau bidang manakala veteran bermaksud orang yang telah banyak pengalaman dalam sesuatu bidang. Secara keseluruhannya, artis veteran merupakan seorang individu atau penggiat seni yang mempunyai pengalaman yang luas tentang industri seni hiburan seperti dalam bidang lakonan, nyanyian, tarian dan sebagainya. Seseorang individu itu boleh diiktiraf sebagai artis veteran jikalau tahun aktif di industri tahun aktif di industri seni dalam lingkungan 50-an, 60-an, 70-an, dan 80-an ke bawah. Walaupun kewujudan artis-artis veteran kurang di kaca televisyen, tetapi dengan bakat dan pengalaman mereka contohnya dalam bidang lakonan mampu memberikan mesej, lakonan, ekspresi yang sangat baik sehingga ada dari kalangan mereka telah mendapat anugerah dan selayaknya mendapat anugerah tersebut oleh kerana bakat dan pengalaman mereka. Sebagai contoh, di berita atas talian iaitu Berita Harian mengatakan salah seorang pelakon veteran iaitu Fauziah Ahmad Daud atau lebih dikenali sebagai Ogy telah memenangi Pelakon Wanita Drama Televisyen (TV) Terbaik pada Anugerah Seri Angkasa (ASA) pada tahun 2016 (Mohd Aizat Shamsuddin, Fatin Farhana Ariffin, 22 Mei 2016). Selain daripada pelakon veteran yang hebat dan pernah memenangi anugerah, salah seorang penyanyi veteran yang mempunyai nyanyian dan karya yang hebat iaitu dikenali sebagai Sheila Majid. Sheila Majid telah diiktirafkan sebagai Ratu Jazz Malaysia kerana beliau berkebolehan untuk menyanyikan berunsur musik jazz. Ia dibuktikan bahawa di berita online iaitu Astro Awani, Sheila Majid mengatakan ia bermula dengan disiplin yang baik, berdedikasi ke atas satu kerja dan pengorbanan yang mungkin peminat sendiri tidak ketahui bagi mengekalkan insan bergelar seni tetap relevan dalam industri tanah air ini (Hilal Azmi, 2016). Di samping itu, terdapat satu berita online iaitu Harian Metro yang mengatakan artis-artis veteran lebih popular berbanding artis baru (Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor,

n.d.). Hal ini kerana, umum mengetahui bahawa bakat dan pengalaman artis veteran sukar ditandingi oleh artis baru.

4.3 Industri Lakonan

Industri lakonan merupakan salah satu industri tanah air yang bergiat aktif sejak dahulu lagi. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, lakonan didefinisikan sebagai lakon atau hal-hal yang dilakukan bagi memainkan sesuatu drama, filem atau teater. Antara kata terbitan daripada Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat ialah berlakon, melakonan, lakonan dan pelakon. Seperti yang kita tahu, industri lakonan sangat berkait rapat dengan pelakon tanah air di Malaysia ini yang mempunyai bakat-bakat mereka tersendiri.

Bidang lakonan merupakan salah satu bidang yang penting dalam menggambarkan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan sejarah lama contohnya seperti filem “Bukit Kepong”, “Puteri Gunung Ledang”, “Hikayat Merong Mahawangsa”, “Leftenan Adnan” dan filem-filem yang lain. “Hikayat Merong Mahawangsa” pernah dinobatkan sebagai sebuah Filem Terbaik pada Festival Filem Malaysia ke-24 (FFM24) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (Malaysia Kini, 21 November 2011). Selain itu, filem tersebut telah memenangi beberapa anugerah dalam Festival Filem Malaysia ke-3 termasuk Filem Terbaik. Filem ini juga telah ditayangkan kepada penonton pada tahun 1981 dan filem ini merupakan antara filem termahal dalam dekad 80-an kerana kos yang digunakan bagi menjayakan filem ini ialah RM1.31 juta (Astro Awani, 15 April 2015). Filem-filem ini pernah memenangi beberapa anugerah kerana berjaya menyampaikan mesej kepada penonton tentang pentingnya peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku di negara ini supaya kita tidak lupa dan boleh dijadikan rujukan atau gambaran tentang sejarah untuk generasi muda yang akan datang.

Tambahan pula, drama atau filem yang dilakonkan oleh para pelakon mampu memberikan nilai-nilai murni atau pengajaran. Contoh drama yang mampu memberikan pengajaran ialah seperti drama “Tanah Kubur”. Drama ini dapat memberikan kesan kepada penonton di kaca televisyen kerana ianya sarat dengan mesej yang sangat bermakna dan memberi pengajaran kepada semua umat Islam (Munirah Abd Razzak, Norrodzoh Hj Siren, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Siti Aminah Ngadiman, 2019). Justeru itu, terdapat beberapa jenis lakonan dalam teori Stanislavsky iaitu lakonan eksploitatif, lakonan lampau amatour, lakonan mekanikal dan lakonal representational. Salah seorang artis pernah memenangi anugerah dalam lakonannya yang berjudul “Pontianak Harum

Sundal Malam”. Ia boleh dibuktikan apabila Harian Metro mengatakan “Kejayaan Maya mengungguli gelaran Aktres Terbaik Festival Filem Asia Pasifik (FFAP) di Fukuoka, Jepun 14 tahun lalu membuktikan bahawa pelakon wanita tempatan boleh mencipta nama di peringkat Asia menerusi filem Pontianak Harum Sundal Malam (Amirul Haswendy Ashari, n.d.)

Terdapat juga beberapa isu dalam bidang lakonan iaitu seperti yang diceritakan di dalam Berita Harian. Seorang artis yang dikenali sebagai Zul Huzaimy mengatakan dia tidak berpuas hati jikalau kelayakan guru lakonan hanya mempunyai bakat dan pengalaman sahaja. Ia juga perlu seiring dengan akademi serta didikan yang sesuai dalam menjadikan seseorang itu menjadi guru lakonan kepada orang lain. Ia dapat dibuktikan apabila Zul Huzaimy mengatakan “jika seseorang individu sedang mempelajari cara lakonan yang formal, mereka akan mempelajari tujuh atau hingga ke 12 pilihan untuk melakonkan sesuatu karakter tersebut. Sebagai contoh, ketika melakonkan babak marah, seseorang individu tersebut tidak perlu menjerit apabila menghayati watak tersebut, malah ada lagi teknik untuk membawakan karakter ini dengan emosi yang sesuai, kata Zul Huzaimy kepada Berita Harian Online (Serimah Mohd Sallehuddin, 5 September 2021). Hal ini jelas menunjukkan bakat atau pengalaman yang hebat membantu seseorang artis itu berjaya di dalam industri tanah air ini.

4.4 Industri Kreatif

Perkembangan semasa ekonomi global menunjukkan industri kreatif adalah satu sumber penting pertumbuhan ekonomi dan percambahan budaya di negara-negara maju. Contohnya, industri ini telah menyumbang sejumlah besar wang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada negara dan berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi serta memartabatkan budaya bangsa. Justeru, amat penting untuk industri ini dibangunkan secara bersepadu dan terancang melalui satu dasar dan hala tuju yang komprehensif.

Industri kreatif merupakan industri-industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek (KPKK,2021). Industri kreatif ini melibatkan ramai golongan seni dan karyawan yang mampu memberi banyak faedah daripadanya jika terdapat satu usaha untuk menghimpunkan semuanya di bawah satu bumbung (Astro Arena, 2017). Kementerian Penerangan Komunikasi dan

Kebudayaan (2021), ada menyatakan bahawa industri kreatif multimedia ini terdiri daripada industri-industri yang mengaplikasikan kemajuan teknologi terkini dalam menghasilkan produk-produk yang kreatif. Antara industri di bawah kategori ini adalah penerbitan filem dan televisyen, pengiklanan, seni reka dan animasi dan kandungan digital industri kreatif multimedia. Oleh itu, industri kreatif ini sememangnya memberi pelbagai manfaat kepada negara jiran sekiranya industri ini sentiasa diberikan perhatian. Menurut Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (2021), industri kreatif berpotensi untuk menjana ekonomi melalui pulangan kewangan yang dihasilkan daripada aktiviti industri berkenaan. Industri kreatif yang berkembang mampu meningkatkan pelaburan dalam aspek-aspek yang berkaitan dan industri sokongan. Antaranya melalui penubuhan syarikat-syarikat baru dalam bidang perfileman, rakaman, percetakan dan sebagainya. Manakala industri sokongannya pula adalah seperti syarikat pengurusan acara, penyewaan peralatan, sajian dan sebagainya. Pembangunan industri kreatif juga mampu meningkatkan dan memantapkan syarikat-syarikat sedia ada sekaligus membuka ruang dan peluang kerjaya dan seterusnya dapat mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia. Penekanan terhadap industri kreatif dapat membantu meningkatkan bilangan dan tahap kepakaran penggiat industri ini. Industri kreatif ini memerlukan sokongan padu kerajaan dan swasta serta persekitaran yang kondusif mampu menarik pakar kreatif dari luar untuk menyumbang kemahiran mereka di negara ini kerana industri ini mampu membuka lebih banyak peluang dan pilihan pekerjaan tanpa mengira latar belakang serta taraf pendidikan (Sinar Harian, 2021). Jelaslah bahawa industri kreatif ini berpotensi untuk meningkatkan ekonomi negara dan mampu membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak.

5.0 Transkrip Temubual

5.0 Transkrip Temubual

5.1 Tembual Bahagian 1

NSS: Jadi, boleh kita mulakan soalan pertama?

GSH: Boleh--.

NSS: Boleh encik ceritakan sedikit tentang latar belakang encik?

GSH: Saya, nama penuh Ghazali bin Shabudin eh tapi saya kawan kawan saya, *Producer* [penerbit] ke kawan-kawan baik saya panggil saya S. Azli nama penuh. Nama *glamour* [terkenal] lah (ketawa) senang orang kenal kan. Jadi, saya dulu saya kerja kerajaan juga. Saya kerja dengan MPMJ [Majlis Pemandaran Ampang Jaya]. Tapi sebab saya minat, saya minat tu saya ambik cuti lah nak berlakon ke nak apa ke saya ambik cuti. Cuti tu [itu] tak menjejaskan kita punya kerja. Saya kerja sambil berlakon. Sambil-sambil kita teruskan minat kita lah.

FAY: MPMJ tu apa tadi?

GSH: Ya?

FAY: MPMJ tu ape?

GSH: Majlis Pemandaran Ampang Jaya

NSS: Kiranya waktu tu berlakon tu macam sekadar mengisi masa lapang je la?

GSH: Ya. Kalau kita *shooting* [berlakon] kan terlibat tiga hari, kita ambik cuti tiga hari.

NSS: Ooo.

GSH: Kalau terlibat seminggu kita campur lah tiga hari dengan hari cuti lima hari okay lah.

NSS: Takde [tiada] lah letih sangat kan?

GSH: Tak menjejaskan cuti lah. Kalau panjang sangat kita ambik tanpa gaji. Tapi tak boleh sebab kerja, sekali boleh lah. Saya pernah ambil cuti tanpa gaji dekat-- saya nak bersara kan tahun 2004.

NSS: Ooo.

GSH: Filem dia 'Tak Ori Tapi OK'.

FAY: Ha, 'Tak Ori Tapi OK'.

GSH: Badrul *direct* [mengarah]. Dalam filem tu saya, Nasha Aziz, Latif Ibrahim, Ibrahim Pendek, Musly Ramli, Jalil Hamid, Yusni Jaafar yang

terlibat. Pengarah dia Badrul lah filem tu. Filem tu ditayangkan 2005 tapi sambutan tu masa tu tak berapa ni sangat sebab apa tau, pasal orang sibuk pasal Tsunami Aceh [Indonesia].

NSS: Oh. 26 Disember kan?

GSH: Jadi bila orang dok [duduk] sibuk dekat TV [televisyen], panggung orang pergi kurangnya ha. Saya filem tak banyak, dalam dua puluh empat saya berlakon di bawah arahan Prof. Mahadi J. Murat. Filem dia 'Roda-Roda'. *You all* [Kamu semua] tengok tak? Yang naik BMX [Bicycle Moto Cross].

FAY: Oh yang tu takde [tiada].

GSH: Tahun lapan puluh empat [1984]. Saya pun muda lagi masa tu. Tiga puluh lebih.

FAY: Tahun lapan puluh empat [1984], kitaorang [kami] pun tak lahir lagi.

NSS: Haah.

GSH: 1900, tak lahir lagi eh?

NSS: Kitaorang tak lahir lagi.

GSH: *Hero* [Watak lelaki utama] dia Pak Uda. Yang 'Pi Mai Pi Mai Tang Tu' kan, dia pun muda lagi masa tu. Saya *second* [kedua] *hero* [watak lelaki

utama]. *Heroin* [Watak perempuan utama] dia Cina, Angeline Tan. 1984, 'Roda-Roda'. Filem tu lah.

NSS: Oh.

GSH: Lepastu [Selepas itu] takde dah.

NSS: Boleh kami tahu berapa umur encik sekarang?

GSH: Saya tujuh puluh empat [74 tahun], saya lahir tahun empat puluh lapan [Tahun 1948]. Kawan seangkatan saya, penyanyi-penyanyi macam A. Ramli ye ha tu baya saya. Rafeah Buang tu baya saya lah. Macam A. Rahman Hassan tu dia tua pada saya dua tahun gitu. Macam Hail Amir [Dato' Hail Amir] tu dia tua pada saya dua tahun gitu lah lebih kurang gitu lah. Saya sebenarnya minat saya dalam bidang nyanyian ye. So [Jadi], saya ni bermula daripada remaja ya.

NSS: Hmm. (mengangguk)

GSH: Okey. Saya lahir di Permatang Pasir, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah [Pulau Pinang].

NSS: Ooo (mengiyakan).

GSH: Kat [di] mana, Penang, Seberang Perai. Tahu?

NSS: Oh. A'ah.

GSH: Permatang Pasir ni dia banyak, besar. Saya, rumah saya tepi jalan.

NSS: Ooo.

GSH: Ada lagi rumah, dah takde [tiada] sapa [siapa] semua datang KL [Kuala Lumpur].

NSS: Hmm (mengangguk).

GSH: Mak bapa [ibu-bapa] saya dah meninggal.

NSS: Kosonglah rumah tu?

GSH: Bapa takde, mak takde. Adik- pupu [Adik sepupu] saya adalah dia tolong jaga rumah tu. Saya balik tengok rumahlah. Saudara mara pun dah banyak dah, saudara mara tu lah dok pindah jauh-jauh kan. Jadi, saya di masa saya remaja, saya dibesarkan di situlah. Rumah tu kan.

NSS: Hmm (mengangguk).

GSH: Saya minat dalam bidang nyanyian ye. Bila saya minat dalam bidang nyanyian, saya-- nyanyilah pada zaman saya tu kan, zaman saya dulu zaman TV (ketawa). TV takde. TV ada, TV baru masuk gitulah [begitulah]. Baru lagi kan.

FAY: Yang kecil itulah?

GSH: Tak, TV.

NSS: Yang macam? Oh.

GSH: Siaran TV, siaran TV pun gambar-gambar pun gambar burung, dia tak meluas lagi tau.

NSS: Ooo.

FAY: Ooo.

NSS: Dia tak banyak lagi lah.

GSH: Tak banyak lah. 'Drama Minggu Ini' apa semua tu belum lagi, baru mulakan.

NSS: Dia macam terhad?

GSH: Enam. Enam puluhan. Kan, enam puluhan ni [ini] memang zaman yang baru nak canggih tau. Dia baru nak, orang kata apa?

NSS: Nak *up* [naik] lah.

FAY: A'ah.

GSH: Nak meluas lah kita punya teknologi.

FAY: Masa tu hitam putih lagi ke?

GSH: Hitam putih lah. Jadi, dikala saya minat menyanyi, kitaorang minat menyanyi kan, saya ingat lagi kawan saya pula dia main gitar.

NSS: Ooo.

GSH: Dia pandai main gitar lah. Gitar tong ni, gitar kosong. Yang saya itu, depan rumah saya itu, kedai itu. Nama dia Rashid. Dia gila main drum. Jadi saya cakap dengan dia kan, daripada kita buang-- masa praktis macam ni je kan, praktis main tin minyak tanah itu kan, main drum itu, yang kawan saya, main gitar tong lah. Tapi, sebabkan saya semangat kuat, saya cakap dengan yang main gitar itu. *"Kau kalau main gitar macam ni, orang tak boleh kenal kau. Kau main gitar sampai jadi orang terkenal."* Pastu ada satu orang di kampung tu dia pencen [bersara] askar, dia beli barang-barang muzik kan, kawan saya tu dah [sudah], kawan saya itu dia belajar, dengar cakap saya. Masa itu, banyak kugiran tau. *Band* [Kumpulan] banyak, macam-macam band, dia belajar dgn kawan-kawan tu la yang band yang tu. Dia pandai--, tubuh —kugiran itu, saya join lah kugiran itu. Kugiran itu nama dia, Rockers. Bukan baru nama Rockers. Zaman kitaorang [kami] enam puluhan dah ada kugiran kitaorang nama Rockers. Saya salah seorang penyanyi itulah. Saya menyanyi mana-mana rumah org kahwin semua lah. Gi [pergi] nyanyi kan, masa saya belum tubuhnya kugiran itu, band tu kan, saya memang

gila menyanyi gila. Tengok rumah orang kahwin dulu ada--band tau [tahu]. Lepas [Selepas] bersanding, malam mesti ada band. Ha, saya pergi mintak la nak nyanyi satu lagu kan. Diaorang [Mereka] pun ha boleh-- . Ha, bagi *chance* [peluang] kawan kita nyanyi, nyanyi. Esok rumah kahwin lain pulak, band lain pulak. Masa dulu dia tak panggil karaoke tau, diaorang panggil kugiran. Ha band, minta-- lagi hendak nyanyi. Dulu orang kenal saya. Sebab daripada itu org boleh kenal saya. "Eh, yang nyanyi haritu [hari itu] okay lah. Orang jadi kenal la. Pastu saya masuk lagi satu kugiran nama dia kugiran Kumpulan Irama Gerimis. Tu dekat Butterworth [Pulau Pinang] juga. Ha yang ini lagi hebat. Saya-- *recommend* [mengesyorkan] kawan saya. Dia menyanyi bagus. Dia main gigi semua.

FAY: Oh. (serentak)

NSS: Oh. (serentak)

GSH: Dia main gigi oh. Dengan lagu-lagu rancak dan di pentas itu tinggi. Dia lompat terus dia main dengan gigi. Nama dia Nordin Osman. Sekarang ada lagi.

FAY: Ya.

GSH: Orang panggil dia Din Rockers lah sebab band dia dulu nama Rockers kan. Lepastu [Selepas itu], dia terlibat dengan The Kick, buat recording [rakaman] kat radio semua. Saya pun buat lah lagu-lagu ciptaan saya. Pertama kali saya recording dekat radio, ciptaan saya Iringan Kugiran Irama Gerimis lah, The Kick kan? Lagu saya mula-mula keluaran Teruna, ciptaan saya Rayuanku, Fadzilah. itu disiarkan-- di radio di waktu tiga belas Mei.

NSS: Oh.

GSH: Siaran radio. Siaran pancaragam utara. Radio Malaysia Pulau Pinang lah. Dia panggil kita. Dia record [rakam] untuk program diaorang [mereka] lah. Siaran Pancaragam Utara. Ha, minggu depan lain pulak. Kugiran lain pulak. Minggu lagi sekali band lain pulak. Macam tulah [itulah] , bertukar tukar lah.

NSS: Kiranya bila encik mula menetap dekat KL?

GSH: Saya menetap di KL ni kan ha tujuh puluh [70] kot tak silap saya. Tahun tujuh puluh saya berhijrah.

NSS: Hmm, adakah.

GSH: Saya pun malas kerja. (serentak)

NSS: Disebabkan encik terlibat dengan lakonan ke? (serentak)

GSH: Saya cerita saya kelakar sikit. Saya kan, saya kerja kampung. Itu turun bawa saya pergi sawah semua kan? Kawan-kawan saya banyaklah kerja-kerja kilang, kerja apa, saya tak minat. Saya suka mcm *style* [gaya], macam melawa je [sahaja]. Bapa saya pun bukan lah dia marah kan [gangguan bunyi] tapi dia rimas lah anak takmau [tidak mahu] kerja, macam mana, takmau minta kerja kan?

FAY: Ooo.

GSH: Saya tolong dia dekat sawah-sawah bukan dapat duit pun. (ketawa)
Kan? Tolong, kita kena tolong sebagai anak kan. [gangguan bunyi]
Kadang, saya pergi tolong dekat tempat orang lain ha, sawah padi orang
lain. Nak ambik duit kan, nak pergi beli baju lawa-lawa ha saya suka
menyanyi lah. Ada *function* [fungsi] saya menyanyi nyanyi dgn kugiran,
diaorang datang ambil lah. Kugiran lain pun ada ambil saya.

FAY: Ooo. (serentak)

NSS: Ooo. (serentak)

GSH: Penyanyi tak datang ke apa kan.

FAY: Jadi encik nyanyi je la?

GSH: Saya menyanyi. Salah sorang [seorang] daripada sekarang ni [ini] dia—
dah [gangguan bunyi] ada lagi. Najib Hanif. Pernah kenal Najib Hanif?
Najif Hanif--. Dia dapat *second* [kedua] ha, Bintang RTM [Radio
Televisyen Malaysia] dia, apa itu? Dapat *number* [nombor] dua.

FAY: Oh. (serentak)

NSS: Oh. (serentak)

GSH: Jamal number satu. Jamal Abdillah number satu, dia no [nombor] dua, second. Najib Hanif-- dia banyak menyanyi *night club* [kelab malam]. Sekarang konsert diraja kan, jadi diaorang kurang kenal dia. Najib Hanif. Nanti saya hantar gambar kat *you* [awak].

FAY: Hmm, boleh-boleh. Kalau tengok muka kenal la kot (ketawa)

GSH: Kakak dia, masa Najib, saya menyanyi dengan kugiran masatu [masa itu], saya dah, apa ini, kita kan mai [datang] dari kampung, saya *join* [sertai] juga kugiran lain tau. Macam saya cakap tadi kan, saya join yang Saint United. Saint United itu kakak Najib lah yang nyanyi dengan kitaorang [kami]. _____. Kalau nak pergi praktis, saya pergi ambil dia. Naik basikal chopper (ketawa). Saya ingat lagi, masa itu Najib baru *form five* [tingkatan lima]. Er sekarang ini, baru-baru ini, saya baru jumpa dia, dah jadi penyanyi pop dah sekarang kan, dah berilmu semua. [gangguan bunyi] Najib Hanif *you* [awak] tengok dalam Youtube. Suara dia sedap. Dia ala-ala macam Tom Jones, tapi lagu-lagu melayu lah. Tapi- bila dia buat *perform* [mempersembahkan] dengan VVIP, [very very important person] lagu lagu omputih [orang putih]. Najib Hanif.

NSS: Hmm. Boleh encik ceritakan sedikit tentang ahli keluarga encik?

GSH: Keluarga saya?

NSS: A'ah macam ayah, ibu encik?

GSH: Saya, bapa saya dulu dia kerja, dia—bekas, macam orang panggil apa?
[gangguan bunyi] Macam tentera juga lah.

FAY: Wow! (teruja)

NSS: Ooo.

GSH: ACAC--. Kalau atok [datuk], atok awak tau lah AC. Macam wataniah lah
tapi atas sikit.

NSS: Ooo. A'ah.

GSH: Mak saya kan, dulu saya dibesarkan pun, saya dua beradik je [sahaja].

FAY: Ooo.

NSS: Encik anak yang ke berapa?

GSH: Bila saya telah dilahirkan-- ya, dilahirkan ke dunia ini, [gangguan bunyi].
Saya, kakak saya. Saya dengan kakak saya.

NSS: Oh.

GSH: Pastu, nenek saya ambil saya, tinggal dengan dia.

NSS: Oh. [gangguan bunyi]

GSH: Daripada kecil lah. Di Kedah, Kulim.

NSS: Oh. Kulim.

GSH: Saya dibesarkan di Kulim lah. Saya membesar di Kulim. Bila saya menjelang remaja kan, saya balik lah balik dekat Penang [Pulau Pinang] dengan bapa saya. Bila nenek saya dah meninggal [meninggal dunia], saya baliklah jumpa bapa saya. Itu yang bermulanya saya minat menyanyi kan. Masa belasan tahun dulu kan, apa? Pastu, mak saya meninggal tau. Pastu sebelum dia meninggal tu, mak saya tadi dia kahwin dengan orang lain.

NSS: Ooo.

GSH: Dia kahwin. Bapa saya, Shabudin. Yang dia kahwin tu, Samsudin.

FAY: Ohh.

GSH: Dapat adik dua orang.

NSS: Adik tiri lah? [gangguan bunyi]

GSH: Adik yang [gangguan bunyi] berlainan bapa.

NSS: Hmm.

GSH: Ya. Ada lagi dekat KL ni.

NSS: Ooo.

GSH: Tapi dengan saya okay. Pasal saya, bila mak saya kahwin lain dia pernah ambik saya jugak duduk dengan bapa tiri saya, bapa tiri saya pun sayang saya kan.

NSS: Kiranya rapat lah kan?

GSH: Ha, rapat. Smpi sekarang dia duduk KL pun memang tu la, empat beradik [adik-beradik] lah. Yang dua beradik laki [lelaki] juga lah ha. Dia arkitek. Sorang [seorang] *technician* [juruteknik] dah pencen dah tu, arkitek dekat PKNS [Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor]. Yang nama Amiru, yang nombor dua tu technician PKNS. Apa nama ini, itulah saya empat beradik. Kakak saya ada di Ipoh [Perak] sekarang ni, dia kahwin dengan polis kan. Sekarang ada dekat Ipoh lah. Adik saya yang dua orang tu sorang duduk Batu Caves [Selangor], seorang duduk Selayang [Selangor]. Masih ada lagi. Kami masih berhubung lagi lah walaupun berlainan bapa.

NSS: Hmm.

GSH: Bapa dia dengan bapa saya kawan baik pula tu.

FAY: (ketawa)

GSH: Itulah ya. Jarang jumpa ya. Kadang-kadang anak dia kenduri apa-apa dia panggil semua. Kadang-kadang kenduri dia apa-apa, kenduri doa selamat pun panggil, macam ni. Kawan baik. Susah cari ye. Jadi.

FAY: Ayah encik dah meninggal ke?

GSH: Ya? Siapa?

FAY: Ayah encik hmm, mak encik meninggal waktu bila?

GSH: Dah takde [tiada] dah. Semua takde.

FAY: Semua takde dah?

GSH: Dah [Sudah] takde.

NSS: Adakah keluarga encik, isteri dan anak anak memberi sokongan terhadap penglibatan encik dalam industri seni ni?

GSH: Ya. Bapa saya dia tak kisah. Kadang-kadang saya pergi *shooting*, saya pergi menyanyi kan, haa tapi dia-- susah hati dengan saya, sebab saya takmau [tidak mahu] kerja.

FAY: Ooo.

GSH: Takmau kerja. Takmau kerja. Jahat, nakal pulak tu. Kacau sana, kacau sini. Peminat saya ramai dulu, perempuan ramai. Dulu main surat pakai apa tau, sekarang pakai WS [Whatsapp].

NSS: Hmm.

GSH: Zaman saya pakai surat bubuh [letak] bawah pasu.

FAY: Ooo. (ketawa)

GSH: Dulu-dulu lah. Dulu-dulu. [gangguan bunyi] Kita laki mesti ada nakal dia, ada. Betul tak?

NSS: Hmm. (mengangguk)

GSH: Perempuan pun sama. Kita kan manusia.

NSS: Hmm. (mengangguk tanda setuju)

GSH: Betul? Ha, jadi saya syukur, Alhamdulillah lah kan [gangguan bunyi] pasal bakat saya, kawan-kawan pun sokong, bapa saya pun sokong.

NSS: Boleh encik ceritakan sedikit tentang latar belakang pendidikan encik?

GSH: Oh. Saya sekolah melayu je. Tu, saya kawan dengan anak-anak *Attendant Hospital* [Atendan Hospital] semua kan.

NSS: Ooo.

GSH: Diaorang pergi *tuition* [kelas tambahan] dengan mat salleh, orang putih, saya pergi lah. [gangguan bunyi] Saya belajar lah sikit-sikit Bahasa Inggeris. Saya belajar. "Eh ni apa dia eja? Eh kau baca novel apa ni, meh tengok." Saya pun belajar-belajar inggeris je [sahaja], orang tak [tidak] tahu. Orang ingat saya-- belajar sekolah org putih juga. Tak, saya belajar dengan kawan je. Saya darjah enam melayu, saya belajar dengan kawan-kawan.

NSS: Encik ingat nama sekolah encik?

GSH: Sekolah saya, Sekolah Kebangsaan Kulim, Kedah. Kulim, Kedah.

NSS: Ooo.

GSH: Tapi, bila saya menjelang dewasa kan, saya dah tahu apa--, saya nenek saya kata, bapa kau ada ni. kenal lah bapa saya. Saya pun, saya balik

dok Penang balik dengan bapa saya kan. Tapi tak lama lah sebab [gangguan bunyi] saya memang jenis manja dengan nenek kan. Kerja taknak, apa taknak nak melawa je kan.

FAY: Hmm, faham.

GSH: Jadi saya terpaksa berhijrah lah, saya berhijrah ke Butterworth [Pulau Pinang]. Tempat saya pekan, tempat saya tu Permatang Pasir, Pematang Pauh tu kalau kita nak pergi, kan ada dua je bandar dia. Bukit Mertajam ataupun Butterworth. Saya pergi Butterworth kerja kedai dobi tu. Kedai dobi tu pula ada kugiran. Ada band, saya join lah. Tu saya cakap tu yang kakak Najib Hanif tu menyanyi kat situ.

NSS: Ooo.

GSH: Lepastu, datang sepupu saya cakap, dia cakap "*Hei Li, kau sampai bila nak kerja kedai dobi? Kau minat berlakon, kau pergi lah Ulu Klang [Selangor]. Ulu Klang, P-Ramlee datang sini tau.*" Macam tu ha dia cakap.

NSS: Kiranya encik kenal lah P-Ramlee?

GSH: Itulah, lebih madu pada sudu orang kata.

NSS: Encik kenal P-Ramlee lah?

GSH: Saya baik dengan anak dia. Anak dia baik dengan saya, dah meninggal pun. P.Ramlee saya tak pernah jumpa. Dengan Nasir tu, selalu *contact* [hubungi] saya. Tapi arwah dah la kan, dah meninggal. Nasir meninggal pun umur lima puluh lima [55] kot.

NSS: Ooo.

GSH: Baru, kalau kira kerajaan, pencen [bersara] lah kan? Lima puluh lima [55] dia meninggal. Pastu, apa lagi?

NSS: Adakah encik bergiat aktif dalam bidang seni sepanjang encik bersekolah?

GSH: Sekolah dulu saya takut, malu-malu,

NSS: Ooo.

GSH: Saya tak berani, saya minat tapi saya malu. Cikgu suruh nyanyi depan pun saya taknak. Saya taknak. Selepas saya dah berhenti sekolah, dok [duduk] dengan bapa saya. Tu saya cakap tu [gangguan bunyi] kugiran, ada dulu kan. Bila ada kenduri kahwin, malam ada band kan, kawan saya beri semangat kat saya, Din Rockers tu lah. "*Eh, aku nyanyi, kau tak mau nyanyi ke? Aku segan lah, segan apa benda, kau cuba lah, segan apa benda kau? Aku ada dekat sini, kau takut apa?*" Cubalah sekali nyanyi, nyanyi dengan Irama Malam. Orkes Irama Malam. Rumah orang kahwin. Wah, okay orang semua cakap kan. "*Baguslah ni. Budak ni baguslah kan.*"

FAY: Semua orang suka lah.

GSH: Ha. Sebab kita mahir dengan tempo semua, kita dah belajar kan. Nordin tu kan dia main gitar kan. Ha, lepastu—merekak--. "*Oi, itu kenduri hei*". "*Kenduri*". "*Malam ni kenduri sana ada band lagi lah*". "*Band mana?*" "*Mutiara Timur, Penang.*" "*Kau pergi nyanyi eh?*" Ha nyanyi, kawan-kawan saya sokong naik basikal pergi sokonglah.

NSS: Waktu tu saja-saja nyanyi ke ada bayaran tak waktu tu? Waktu menyanyi tu?

GSH: Takde. Mana ada.

NSS: Saja-saja lah kan.

GSH: Kita menumpang nyanyi, bayaran apa.

FAY: Yalah, suka-suka jelah.

GSH: Ha, suka suka lah. Lain lah kalau kita ada, kugiran saya tu pergi, The Rockers tu kan, kalau orang jemput pergi rumah orang kahwin, saya dah join *band* [kumpulan]. Jadi penyanyi tetap dengan The Rockers tu, itu baru ada bayaran. Bayaran pun murah lah.

FAY: Yelah.

GSH: Paling tinggi pun lapan puluh ringgit [80].

NSS: Hmm. Waktu dulu lah.

GSH: Besar lah. Tahun—enam puluhan. Tu L.Ramli punya kugiran kan, diaorang main rumah orang kahwin, saya tanya. *“Diaorang panggil, diaorang sewa diaorang ni berapa ha?”* Seratus dua puluh [120]. Nampak, banyak tu seratus dua puluh tu tau. Tahun enam puluhan.

FAY: Betul.

GSH: Tahun enam puluh enam [65], enam puluh lima gitu [begitu].

FAY: Ooo.

GSH: Saya pernah nyanyi dengan Teruna Ria tau. Masatu [Masa itu] saya, [gangguan bunyi] diaorang main rumah orang kahwin lah. Dekat-- apa nama ni? *Mengkuang Road* [Jalan Mengkuang]. Nama tempat, nama kampung tu dekat Butterworth jugak.

NSS: Ha.

FAY: Ooo.

GSH: Kira semitown lah, dalam bandar juga. L.Ramlee--. Masatu dia, TV ada tapi dia tak meluas dalam tv lagi. L.Ramlee ni kita cuma dengar suara dalam siaran pancaragam utara, Kugiran Teruna Ria. Kita dengar, "uish". Penyanyi L-Ramlee, dengan lagu, Sharifah. [gangguan bunyi] Sedap oh suara dia. Dia suka nyanyi lagu-lagu P Ramlee kan. _____.

FAY: Yang suara sedap tu kan?

GSH: Ha, Dia nyanyi lagu ciptaan dia kan. Ciptaan orang bagi.

NSS: Hmm.

GSH: Sekali L.Ramlee, tak pernah tengok muka dia. Sekali, rumah orang kahwin saya jumpa dia. *"Itulah L.Ramli."* *"Oh yeke?"* Saya pun tak cakap dengan dia kan. Pastu saya, kawan saya, *"Eh kau nyanyi satu lah Azli."* *"Eh aku segan lah, Teruna Ria tau."* *"Ini Teruna Ria hebat ni."* *"Eh yang hebat dia, kau pun hebat juga."* Saya pun pergi dekat Basir Ahmad, anak dia pelakon tu. Sharnaaz Ahmad tu anak dia.

FAY: Ooo. Tau, tau.

GSH: Basir Ahmad. Pemain gitar. Macam Alvin muka dia.

FAY: Ooo.

GSH: *“Assalamualaikum.” “Walaikumusalam.” “Encik Basir, err saya nak nyanyi satu lagu boleh tak?” “Oh ya—boleh-- ____.”* Dia tanya Ramlee, L.Ramlee cakap apa tau? *“Eh kawan kita nak nyanyi, bagi chance [peluang] lah. Bagi chance lah.”* Saya nyanyi lah satu lagu. Nyanyi je satu lagu, orang sorak.

FAY: Ooo.

GSH: Orang suka _____. Diaorang tulis dekat kotak rokok minta lagi nyanyi.

NSS: Diaorang suka kan?

GSH: Kalau masuk tiga, empat kali saya malas lah. Dua kali okay lah. Kan?

NSS: Hmm.

GSH: Tapi diaorang nak nyanyi apa, diaorang sambut kan. Lepastu, saya rasa macam tak sangka orang suka saya, suara saya kan. Ada peminat lah orang kata kan? Pastu saya berhijrah ke KL lah, yang cerita tadi. Sepupu saya cakap, *“Kau pergi lah jadi pelakon Azli, Li. Kau sampai bila nak macamni kan, berangan-angan je kan. Tak, takde tujuan lah hidup engkau, berangan-angan je. buat apa angan-angan? Angan-angan tak mencapai kejayaan orang cakap.”* Sayapun datang lah rumah sepupu saya kan dekat Batu Sembilan, Kampung Melaka, [gangguan bunyi], Cheras. Duduk rumah dia dengan takde [tiada] kerja semua kan. Pastu, mak saudara [ibu saudara] saya, mak saudara saya pun ada lah. Yang ni mak saudara saya punya anak. Ha, saya tumpang dia lah. Dia baru kahwin anak sorang [seorang].

NSS: Ooo.

GSH: Nama dia Mat Nor. Kira sepupu saya lah. Mak dia, mak dia tu macam saya panggil jang lah, macam mak saudara. Mak saudara saya cakap. *“Eh, ni-- dengar anjang nak cakap ni. Kita duduk rumah ni, walaupun rumah saudara kita, kita kena kerja.”* Dia cakap. Mula-mula saya rasa, betul jugak kan. Saya pun kerja lah. Kerja dekat, dekat kilang getah Batu 12, MARDEC [Malaysia Rubber Development Corporation]. MARDEC ya. Ha saya kerja situ. Dulu gaji murah. Dua ringgit je gaji kan. Lepastu saya kerja dekat MARDEC, kitaorang [kami semua] [gangguan bunyi] pindah duduk rumah asing lah dengan mak sepupu [ibu saudara] saya kan. Sebab diaorang [mereka] baru kahwin. Kahwin, jadi taknak lah. Saya dengan mak saudara saya, duduk dekat situ. Adik-adik saya pulak datang dekat situ pula. Adik-adik saya yang dua orang tu kan.

NSS: Ha.

GSH: Daripada Penang. Diaorang pun datang. Yang saya cakap bapa lain tu.

NSS: Hmm.

GSH: Diaorang pun menumpang situ juga sebab diaorang belajar dekat UTM apa. Belajar lagi kot [rasanya] diaorang. Tapi, diaorang ada elaun. Kongsi-kongsi lah bayar sewa rumah tu. Jadi, saya duduk situ dah lama saya dapat kerja PKNS. Itu saya cakap tu.

NSS: Ooo.

GSH: Tahun tujuh puluh tiga [1973].

FAY: Hmm.

GSH: Saya dapat rezeki kerja PKNS. Kerja PKNS sembilan tahun, diserap ke dalam Majlis Daerah Hulu Langat. Lepastu, *last* [akhir] sekali dalam MPMJ lah. Sembilan [9] tahun lah dalam MPMJ. Dalam MPMJ, saya pun pencen ha. Okay, nak tanya apa lagi?

NSS: Boleh kami tahu. (serentak)

GSH: Oh, teater—(serentak)

NSS: Apa hobi encik waktu encik mempunyai masa lapang?

GSH: Hobi saya main teater lah.

NSS: Ooo.

GSH: Nyanyi, berlakon, berlakon nyanyi, cipta lagu.

NSS: Hmm.

GSH: Saya main teater tahun tujuh puluh enam [76]. Tujuh puluh enam, saya berteater di Kompleks Budaya Negara [Kuala Lumpur]. Sekarang ni jadi ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] tau.

NSS: Ha, ASWARA.

GSH: Depa [Mereka] robohkan, jadi ASWARA. Dulu Kompleks Budaya Negara. Nak-- belajar menari ke, kebudayaan kerajaan lah. Diaorang punya. Macam teater ni dia NGO [Non Governmental Organization].

NSS: Hmm.

GSH: Kita boleh sewa tempat. Bukan sewa. Kita, dia bagi *chance* [peluang] dekat kita, kita kena mohon lah. Tapak-tapak dalam, dia macam satu *building* [bangunan] tu kan.

NSS: A'ah.

GSH: Ha, kita berteater di situ. Teater ni kalau kita minat berlakon, kita berteater, kita dapat menimba ilmu yang lebih (berfikir).

NSS: Dalam lah.

GSH: Lebih dalam lagi. Apa itu penghayatan. Penghayatan tu jangan main-main tau. Penghayatan watak. Penghayatan watak cacat, watak ganas

dan sebagainya. Kita boleh buat tapi kalau kita main teater lagi cepat dia masuk lah.

NSS: Ooo. Lagi cepat belajar lah.

FAY: Betul--.

GSH: Dulu saya, Mentari Rahman. Kalau tanya orang teater diaorang kenal. Dengan penerbit TV, nama dia Husna Ahmad. Sekarang tak tahu dok [duduk] mana, dah pencen ke apa. Dia drama-drama dia penerbit ha. TV lah. Saya bermula daripada teater. Lepastu saya, daripada KBN, KBN tu Pusat Kebudayaan Negara. Saya berpindah ke Panggung Drama Jalan Bandar [Kuala Lumpur, di balai polis belakang tu ada Panggung Drama. Sekarang ni diaorang buat simpan barang. Ada lagi tau.

NSS: Oh.

GSH: Ada lagi. Diaorang tempat simpan rebana-rebana apa semua, alat muzik lah. Dulu semua teater punya tempat. Saya, masatu saya ada kawan saya dia tubuhkan satu teater, lepas saya daripada KBN, kursus dah tamat semua. Kawan saya menubuhkan satu group, Teater Taman Keramat. Nama ringkas dia Astaka--. Dia nama dia Zain Yahya. Dah meninggal dah. Ha daripada situ, kitaorang berteater lah. Macam hari minggu, hari sabtu kan?

NSS: Hmm.

GSH: Macam macam group [kumpulan] teater disitu. Hashim Manap pun ada group teater, Teater Bandar Raya. Semua di situ, di tapak itu.

NSS: Tapak yang sama kan?

GSH: Ha, tapak yang sama. Seberkas, Asnita, eh macam macam group lah situ. Ramai betul, macam Jalan Ampas, *Singapore* [Singapura] pulak. Ni, group teater ni _____. Tu Izzadah Khairan, Nur Hashim semua tu.

NSS: Ooo.

GSH: Nur Hashim dia group teater Kiretif. Ha, macam Pakyob Kidal apa semua tu dia kumpulan lain, group lain. Bangsawan pun ada. Bangsawan Rahman B. _____ Seniman Negara tu, Rahman B. Pernah dengar? Ha Rahman B adalah Seniman Negara. Dia jadi pemimpin tu lah, apa? Bangsawan Bintang Timur.

NSS: Ooo. (serentak)

FAY: Ooo. (serentak)

GSH: Diaorang berlatih jugak. Berlatih di atas. Dia dua tingkat tau, bangunan tu. Dua tingkat. Diaorang berlatih atas. Teater semua bawah.

FAY: Hmm. Kiranya *group-group* [kumpulan-kumpulan] teater tu ada, berbeza lah?

GSH: Ha lain, ni group lain--. Tak-- sama lah. Tapi, ramai lah kawan-kawan, kan. Kita boleh kenal lah, orang teater.

NSS: Hmm.

GSH: Setengah tu dia tak bersungguh-sungguh dalam teater pun tak boleh. Teater bukan boleh main-main.

FAY: Yalah.

GSH: Jual nama apa semua. Tak boleh. Malas saya nak cakap, setengah tu dia, untuk apa kau nak berteater? Untuk apa? Kita tanya dia. Takleh [Tak boleh] jawab. [gangguan bunyi] Tapi, yang betul-betul ada bakat, betul yang minat dia betul dalam, okay. Kalau saja-saja dia nak berkenalan apa semua, campur-campur. Biasalah orang muda kan, ambil kesempatan. Nak berkawan, nak apa. Itu je. Tapi (berfikir)

NSS: Tak seriuslah.

GSH: Yang nak berteater tu ada juga lah tapi tak ramai. Ha, tak ramai. Kita nak cari ilmu kan, ha ilmu. Ilmu dalam teater ni memang baguslah. Sebab tu kita kalau kita ada kalau pergi *shooting* kan, bukan dia bagi skrip dekat kita ikut jam. *Shooting*, kalau saya *shooting* drama, acam tahun sembilan puluhan apa semua, dia *call* [telefon] kita, dia bagi skrip. *Script reading* [Bacaan skrip] lah. Sapa [Siapa] yang terlibat kan, dia bagi. Okay, *script reading*. Dapat skrip bawa balik, sekarang takde tau.

NSS: Ooo.

GSH: Itu hari saya pergi *shooting*. “Mana skrip? Takpe-- [Tidak mengapa] jaggi [sekejap lagi]. Jaggi baru sampai. Tajuk drama, ini--. Saya punya part [bahagian], S.Azli punya part ni--. Okay, saya pun baca-- skrip. “Ni nak buat babak mana ni?” “Jap [Sekejap] lagi ____.” “S. Azli, you terlibat dengan babak dua belas [12], enam belas [16], lapan belas [18].” Kita kena cari sendiri. “Ha lepas ni you punya babak tau.” Tengok tudia berjela-jela dialog, adoi [aduh].

NSS: Ooo.

GSH: Kalau orang tak biasa teater, mampus. Tapi, itu hanya panduan sahaja. Mana boleh kita ikut, itu nanti jadi forum lah nanti.

FAY: Betul.

GSH: Jadi forum. Kena pandai lah. Tengok, saya tengok--, okay. Panggil, *shooting* jalan lah. Okay, *no problem* [tiada masalah]. Kesilapan, itu biasalah kan? Kadang-kadang motor lalu, apa semua. Dia *direct* [terus] sound [bunyi] kan? Dia kena senyap. Hmm, banyak yang dok *cut*— [potong] tu. Motor kadang, orang borak kat belakang.

NSS: Ooo.

GSH: Macam orang *shooting*, sewa awak punya rumah.

FAY: A'ah.

GSH: Dia sewa rumah satu hari lah kan. Ha, kacau.

FAY: Yalah, nak buat apa-apa.

Kalau tak minat, janganlah. Kalau tak-- minat, jangan. Kita tak, nak masak tak boleh, apa tak boleh.

FAY: A'ah

GSH: Kena pulak anak-anak nak pergi sekolah apa pula kan, kena pakai rumah jiran pula. Tapi, kalau kita lebih kurang dengan diaorang takpe la kan. Dia bayar. Bil elektrik semua bayar la kan.

NSS: Hmm.

GSH: Tapi ada jugak yang tak bayar.

NSS: Oh! (terkejut)

GSH: Itu lantak [ikut] diaorang lah. Tapi, bayar.

NSS: Sebab dah-- pinjam kan?

GSH: Manusia kan, ada yang tak bayar pun ada. Esok, kau tanggung di akhirat esok, kan?

FAY: Betul.

GSH: Ha, ada pernah berlaku satu production tu. Tapi, saya takmo [tidak mahu] cakap lah. *Shooting* kat Melaka, dia tak bayar. Kesian dekat orang tu. Rumah orang tu.

FAY: Yeke?

GSH: Apa lah.

FAY: Hmm, orang tu tak marah pulak?

GSH: Ha?

FAY: Orang rumah tu tak marah?

GSH: Menyumpahlah orang tu.

NSS: Halau terus lah?

GSH: Menyumpah bahaya tau. Kita hidup tak selamat tau. Betul, saya cakap. Jangan buat macamtu. Dia bukan nampak [gangguan bunyi]. Sebab tu dikatakan dosa tak nampak, kadang jadi pada anak kita. Anak kita jadi degil, jadi nakal [gangguan bunyi]. Anak kita jadi mencuri. Kadang-kadang makanan tadi. Penipuan tadi.

NSS: Hmm.

GSH: Tindak balas.

FAY: Betul.

GSH: Orang kata apa? Qada' dan qadar. Ha.

NSS: Ha.

GSH: Saya bukanlah alim. Tapi saya belajar, sebab saya nak mati. Kita hidup tak lama, kita kena tahu. Kehidupan hanya sementara di dunia kan? Dalam iman kita, nafsu jahat ada, nafsu amarah. Amarah kena lawan lah.

NSS: Kita yang kena *handle* [kawal] diri sendiri, kan?

GSH: Kita lawan--, cantik.

F: _____.

GSH: Tu jadi jiwa tenang--. Orang yang tak tenang tu, mengumpat orang. Ingat tenang ke dia? Tak tenang. Dia rasa dia tenang tapi dia tak tenang sebenarnya. Ha. Kehidupan saya macam tu la lebih kurang. Dunia sikit, akhirat sikit. Macam itulah. Kena sebatilah. Sejalan.

NSS: Okay, macam kita tahu, semua orang ada idola tersendiri kan. Ha, macam encik sendiri, dalam industri seni ni siapa yang menjadi idola encik? [bunyi pintu]

GSH: Saya zaman saya dulu zaman panggung wayang. Zaman saya dibesarkan dengan panggung wayang kan? Lepastu, baru drama tv kan?

NSS: Hmm.

GSH: Pelakon drama tv, takde yang saya minat apa pun. Sebab saya pun berlakon tv kan? Saya, minat saya P-Ramlee je.

FAY: Yela. Masatu P.Ramlee je yang *famous* [terkenal].

GSH: P.Ramlee, Jins Shamsuddin saya suka. Aziz Jaafar pun saya suka.

NSS: Oh.

GSH: *You* kenal Aziz Jaafar?

FAY: Tahu, tahu.

GSH: Saya boleh ikut suara dia tau. Saya, orang dikenali sebagai penyanyi. Menyanyi—jugalah, buat album semua. Orang kenal juga, saya menyanyikan. Tapi, orang lebih kenali saya sebagai pelakon dah lebih orang kenali saya.

FAY: Peniru suara.

GSH: Penggimik suara.

FAY: Ha, penggimik suara.

GSH: Saya bermula buat suara Haji Bakhil.

NSS: Oh, Haji Bakhil.

GSH: Ha orang suka lah, buat suara Haji Bakhil. Pastu buat suara Jins Shamsuddin, ha suara Aziz Jaafar, suara Mahmud June, suara bintang-bintang veteran semua.

FAY: Hmm.

GSH: Waktu tu zaman saya remaja dulu.

FAY: Ha, betul.

GSH: Saya boleh tengok dalam wayang kan.

NSS: Hmm.

GSH: Saya ikut lah. Minat saya datang. Saya suka, suara orang aneh-aneh ni saya suka. Jins Shamsuddin ada dia punya style dia, Haji Jaafar style suara tu, suara lain-lain. Saya penggimik suara. Kalau *you* tanya orang, S.Azli yang buat suara banyak tu orang tau.

FAY: A'ah-. Betul.

GSH: Haji Bakhil tu biasalah, orang kelakar kan. Kalau jadi jahat tu, Kadarisman. 'Antara Dua Darjat'.

FAY: Ooo.

NSS: Hmm.

GSH: Tengku Mukri kan, dia orang jawa tau. Sebab tu dia-- jawa. Sebab dia marah ke apa, ha jawa mesti ada.

NSS: Ooo.

GSH: Haa, sebabtu saya peka. Nak tiru orang kena tiru betul-betul.

FAY: (ketawa).

GSH: Nordin Ahmad tu dilahirkan di kampung saya. Permatang Pasir, Permatang Pauh tu. Di kampung. Nordin Ahmad orang tempat saya.

NSS: Ooo.

GSH: Ha. Dengan saya pun _____. Eh, nenek saya cakap lebih kurang saudara-saudara kita jugak. Dia cakap, ada kena mengena lah.

FAY: Tak pernah jumpa lah?

GSH: Nordin Ahmad. Eh, mana. Dia pergi berlakon, saya tak lahir lagi.

NSS: Ooo. (Ketawa)

FAY: Yelah.

GSH: Nordin Ahmad, dengan Latifah Omar tu. Dia *partner* [pasangan] dengan Latifah Omar lah.

NSS: Hmm, macam mana idola tu bagi impak dalam kehidupan encik?

GSH: Apadia?

NSS: Macam mana idola encik tu memberi impak dalam kehidupan encik?

GSH: Ohh, itu.

NSS: A'ah.

GSH: Terbawa-bawa juga.

NSS: Jins Samsuddin.

GSH: Terbawa bawa. Macam contohnya, saya tengok filem Jins Samsuddin kan.

NSS: A'ah.

GSH: Masa itu saya sekolah lagi, darjah tiga. Esok saya pergi sekolah, saya gayakan macam JinS Samsudin. *Style* [Gaya] cakap dengan kawan pun macam ni--. Main dengan kepala, buat suara Jins Samsuddin. *"Eh, kau cakap macam orang dalam gambar, wayang. Semalam bapa aku bawa aku tengok lah"* *"Sapa? Eh itu Jins Samsudin, kau mana tahu"* Ha, dia terbawa -bawa, terikut-ikut. *Style--* dia.

NSS: Hmm. Sebab kita minat kan?

GSH: Ha, minat jadi terikut-ikut, perangai. Bila kawan-kawan, buat kelakar dengan kawan kan, kita jadi begitu.

NSS: Ooo.

GSH: Ha, jadi kawan-kawan suka la kan. Kadang saya buat macam _____ lah. Itu lah idola saya. Nordin Ahmad tu, idola saya juga. Tapi, Jins Shamsudin lagi saya suka. P-Ramlee paling saya suka lah.

FAY: Semua orang suka.

GSH: P.Ramlee semua orang suka kan?

FAY: A'ah.

GSH: P.Ramlee dulu, saya kecil-kecil dulu, saya-- tengok filem 'Penarik Beca'.

NSS: Ooo.

FAY: Hmm.

GSH: 'Penarik Beca', filem pertama arahan P.Ramlee tau. Kalau *you all* [kamu semua] nak tahu. Itulah filem pertama, arahan P.Ramlee, 'Penarik Beca'. Pelakon utama dia ambil, P.Ramlee ambil ha, berlakon. P.Ramlee memang berlakon la kan filem tu kan, heroin dia Saadiyah, [Datin Saadiyah]. Mak Ogy [Fauziah Ahmad Daud] tu. Yang jadi jahat, Salleh Kamil. Salleh Kamil tu dahsyat tu. Filem dia hebat-hebat. Jadi, orang memang cop [pilih] lah. Salleh Kamil, orang dah tahu, ni jahat ni.

NSS: Watak dia kan?

GSH: Watak dia hidup. Saleh Kamil, dia orang Bawean. Dia filem-filem lama *you* tengok, Salleh Kamil. Memang ada bakat.

NSS: Dia pandai bawak watak tu lah?

GSH: Tak, memang jadi--. Memang dia bawak watak jahat. Dia—tak-- payah nak buat muka macam ni (membuat ekspresi muka). Dia tengok macam ni pun (membuat ekspresi muka) geram pun, dia punya *natural* [semula jadi] geram pun orang dah nampak.

NSS: Semula jadi.

GSH: Ha.

FAY: **Betul.**

GSH: Salleh Kamil. A. Rahim. Ha tu semua jahat tu. A. Rahim [Abdul Rahim Abu] tu, baik dengan saya. Datang KL, dia kawan dengan saya. A. Rahim. ____ Muda lagi tak, enam puluh [60]. Saya *shooting* dengan A.Rahim, Safera, 2000 berapa tapi tahun dua ribu [2000] juga lah. Cerita dia, cerita episod-episod. 'Sesat dalam Cahaya' tak silap saya. 'Sesat dalam Cahaya'. Episod. RTM.

NSS: **Ooo.**

GSH: Datuk Dasuki. Saya, Safera, Jalil Hamid [Abdul Jalil bin Abdul Hamid], A.Rahim. A.Rahim pula jadi baik. Selalu jadi jahat je. Dia dah meninggal dah rasanya eh? Betul juga.

FAY: **Hmm. Memang pun.**

NSS: **Rasanya.**

GSH: Ha, dia _____. Dia *shooting* dengan saya *last* [terakhir], itu last. Dia cakap, "Azli, aku dah." "Kelmarin tak balik Singapura?" "Aku, karang balik Singapura, aku datang bila anak-anak semua, aku dah bahagi bahagi lah duit aku ni, EPF [Employees Provident Fund] semua." Eh, Safura pun tengok saya. Saya pun.

NSS: Hmm.

GSH: Kenapa dia macam ni kan, cerita peribadi macam, seolah macam nak tinggal kita kan. Macam nak pergi kan?

FAY: Hmm, faham.

GSH: Pastu dia cakap, “S.Azli, aku nak buat cerita kelakar, aku direct [arahkan] tau. Bila aku balik KL nanti, aku nak ambik engkau, Rashid Jaafar, aku. Tiga orang, kita Tiga Dol--.” Habis *shooting* semua, dia balik KL. Dia balik KL, dia kata balik KL dia nak *call* saya, nak meeting pasal tu lah, Tiga Dol tu.

NSS: Haah.

GSH: Pastu, sebelum tu dia-- ada mesyuarat dengan apa, polis-polis. Untuk buat filem ‘Dokumentari Polis—’. Ya, saya pun malam tu tengok TV. Ini, dah [sudah] dua hari selepas balik daripada Pahang eh, *shooting*. Daripada Raub [Pahang]. Dengar berita--, tergepar, apa tu “*Rahim Bin Abu meninggal dunia di dalam van*”. Rahim bin Abu tu A.Rahim lah.

FAY: A’ah--.

GSH: A tu Abu. Abu kan. “Alamak!”, saya kata. Innalillah. Dia baru nak jumpa saya, meninggal. Dia meninggal dalam van tau. Dia datang syarat, dia nak balik rumah dia agaknya.

FAY: Hmm.

GSH: Dia duduk dekat stereng tu.

FAY: Allahuakbar.

GSH: Lampu menyala je. Mengikut kata orang gitulah [begitulah]. Banyak orang cakap gitu. Kan? Banyak orang cakap gitu, "*betul ke dia meninggal macam tu?*" Betul, diaorang cakap.

NSS: Ooo.

GSH: Kata-kata orang macam itulah.

FAY: Yelah, dulu dia takde ni kan, kat TV sangat.

GSH: Tapi, dia memang jahat pun bagus. Dia _____. Tapi dia tak boleh lawan Salleh Kamil lah. Tapi, group Angkatan, masa saya kecil-kecil dulu, itu adalah group yang saya kenal lah. Sampai dah jadi kawan pula.

FAY: Itulah, dah takde [tiada] dah [sudah] kan.

GSH: Salleh Kamil tak pernah jumpa. Dulu, Jalan Ampas [Singapura] kan. Dulu, saya nak cerita kan. Saya dulu rajin membaca tau. Walaupun saya budak, tiga belas [13] tahun, empas belas [14], saya suka beli majalah, saya ambil _____. Sebab saya minat bidang baca majalah. Saya dapat tahu. Dulu di Singapura, syarikat filem ada dua saja tau. Shaw Brothers.

FAY: Hmm.

GSH: Shaw Brothers-- ni kuarters dia, artis-artis dia buat dekat Jalan Ampas. Shaw Brothers Jalan Ampas jugak. Ha, dia punya kuarters dekat _____. Nama tempat itu. Diaorang bagi pelakon-pelakon duduk sana. Dia, Mahmud, Jins Samsudin. Semua duduk kuarters lah kan.

NSS: Hmm.

FAY: Kitaorang nak tanya juga.

GSH: Ya?

FAY: Pandangan encik, macam stesen TV sekarang kan, orang dah tengok TV apa semua tu kan. Encik rasa, stesen TV tu memainkan peranan tak untuk menaikkan semula nama-nama artis veteran ini?

GSH: Menaikkan.

FAY: Menaikkan nama artis-artis veteran.

GSH: Ya.

FAY: Stesen TV. Betul kan?

GSH: Betul.

FAY: Hmm.

GSH: Macam saya pun dulu bermula daripada RTM.

NSS: Ooo.

GSH: Ya. RTM.

NSS: A,ah. RTM. TV satu [1].

GSH: Rancangan drama, rancangan hiburan. Drama radio. Ya, saya bermula daripada RTM. Sebab itu, saya kenang jasa RTM. Takleh [Tak boleh] lupa.

FAY: Hmm, betul (mengangguk).

GSH: Sebab itu.

FAY: Macam diaorang siarkan nama-nama apa ke?

GSH: Ya?

FAY: Macam diaorang siarkan balik cerita-cerita artis-artis veteran kan?

GSH: A'ah. Kadang TV enam [6] eh, dia---

FAY: A'ah

GSH: Dia dok [asyik] tayang drama.

NSS: Betul

GSH: Drama saya pun ada. Itu hari saya tengok drama saya, muda lagi masa tu. Cerita 'Teksi', apa. 'Teksi'. Banyak lah saya main. Drama-drama lama banyak. Masa itu, Opah'.

NSS: Ooo.

GSH: 'Opah' pun ada. Jadi pelakon—undangan sahaja. 'Opah' ada.

FAY: Apa pendapat encik, macam cerita-cerita sekarang kan, banyak, apa ke,artis-artis baru yang memainkan tu. Apa encik rasa?

GSH: Bagus juga.

FAY: Kan?

GSH: Bagus--. Tapi--, bagi saya diaorang kena timba lagi ilmu lah. Kan? Diaorang belajar kat ASWARA kan?

NSS: A'ah, selalunya macam itu lah.

GSH: Bagus juga. Ada yang bagus-bagus tau. Saya tengok, "Uish baguslah!"

NSS: Dia dah memang ada bakat semula jadi kan?

GSH: Memang berbakat juga. Tapi, ada yang kurang bakat. Tu mungkin kurang penumpuan ke apa ke. Tapi bagi saya, memang kena ada pelapis, kan?

FAY: Hmm.

GSH: Takkan nak ambil saya, ataupun geng-geng macam baya-baya saya. Takkan lah orang nak tengok orang tua pulak kan? Bagilah orang muda-muda pula. Tapi, diaorang nak berlakon, diaorang pergi situ buang duit untuk jadi seorang pelakon. Di sini lah tempat diaorang.

NSS: Tonjolkan bakat dia kan? (serentak)

GSH: Cerahkan bakat dia kan? (serentak) Kita tengok yang baru pulak. Yang lama dah tengok. Kadang-kadang kalau penerbit tu bagus, dia campur kan? Lama dan baru kan.

NSS: A'ah

GSH: Orang lama ada, orang baru ada, kan? Baru ni drama saya tengok, apa? Aida Aris ada berlakon. Aida Aris, sorang lagi sapa entah. Apa, Liza--Liza Rafar. Saya tak kenal. Liza Rafar dah gemuk kan. Dia pernah berlakon dengan saya, Liza Rafar tu. Kakak dia, semua saya kenal. Liza Rafar.

FAY: Liza Rafar, hmm.

GSH: *Eh, Liza Rafar rupanya*". Dia fokus dekat _____. Tapi saya, dalam teater banyak saya, main-- watak jahat.

FAY: Oh. (muka terkejut). Oh, dekat teater?

GSH: Haah. Megat. Buat pementasan dekat mana? Dewan Bahasa tu kan, undang kita ramai. Apa, kumpulan Astaka kitaorang lah. Buat pementasan, _____. Saya jadi jahat lah. Jadi _____, watak saya.

FAY: Ooo.

GSH: Pastu, Dewan Bandar Raya, saya jadi *leading* [mengetuai]. Peranan utama. Iaitu Mat Kobi. Teater--.

FAY: Ohh, teater?

GSH: Tajuk dia Mat Kobi. Ada gambar kat rumah.

FAY: Oh okay lah, boleh lah bagi nanti.

GSH: Tapi tak jelas la kan, diaorang ambik one [satu] [1] *shot* [cubaan] kan. Jauh kan?

FAY: Jadi lah. Mengikut pendapat encik juga, macam Persatuan Seniman kan dalam industri seni, encik rasa diaorang ada inisiatif tak? Untuk apa ke, memastikan nasib-nasib artis artis veteran terjaga, terjamin?

GSH: Ada--.

FAY: Ada?

GSH: Macam Zed Zaidi tu, presiden. Saya sokong penuh lah Zed Zaidi kan, bukan kerana dia kawan saya.

FAY: Hmm?

GSH: Kalau dia kawan saya pun, dia buat kerja tak— setimpal, tidak ada betul-betul membimbing seniman, saya pun tak boleh cakap macam ni. Saya— tak boleh cakap dia baik. Saya tak boleh cakap dia bagus, di dalam kerjaya dia, kan?

NSS: Betul.

GSH: Tapi, saya puji dari segi kerjaya dia, dia sebagai Presiden Seniman, dia dapat apa? Mendapat, dia memperjuangkan. Apa?

NSS: Nasib lah?

GSH: Perjuangkan nasib artis-artis yang tiada rumah.

NSS: Ooo. (serentak)

FAY: Ooo. (serentak)

GSH: Ada rumah tau, artis. Tapi takleh lah semua kan?

NSS: Presiden tu yang bagi lah?

GSH: Tapi ada lah artis-artis yang dapat rumah. Ada. Artis-artis yang, pelakon2 yang (sedang berfikir)

NSS: Yang kurang lah?

GSH: Yang orang kata apa, tak begitu menyerlah la kan?

FAY: A'ah. Dia tolong lah kan?

GSH: Dia bagi peluang la kan? Ada rumah, di Subang Dua [2], [Selangor]. Diantara artis-artis yang dapat rumah kan, Rosli Rahman Adam.

FAY: Ha.

NSS: Ooo.

GSH: Awak boleh catit [cata] tu. Awak boleh catit. Rosli Rahman Adam, dia pengarah drama jugak. Bapa dia kan Rahman Adam.

NSS: Oh, a'ah.

GSH: Rosli tu pelakon. Dan, dia jadi pengarah juga. Rosli Rahman Adam. _____, semua pelakon lah. Mashitah Mohd Isa apa semua tu. Itu pelakon-pelakon-- yang orang kenal-kenal tak, suam suam kuku. Tapi, Rosli Rahman Adam orang kenal.

FAY: Ooo.

GSH: Ada lagi, saya lupa lah. Yang ada-- nama. Yang ada dekat Subang Dua.

FAY: Ooo. Ada yang dekat situ lah?

GSH: Ada. Subang Dua.

FAY: Hmm, okay. Encik rasa juga, kenapa filem-filem dulu masih lagi menjadi minat pada masa kini, macam cerita P.Ramlee?

GSH: Sebab filem-filem dulu kan, diaorang makan gaji tau.

FAY: Yeke? [Betul ke]

GSH: Diaorang makan gaji. Satu lagi, diaorang masa lapang, diaorang berkumpul tau.

FAY: Ooo.

GSH: Takde kerja lain dah, berkumpul. Bila berkumpul, berbincang pasal lakonan. "*Okey, okey kau karakter kau. Next.*" Bukan apa, *shooting* pun lambat lagi. Depa [Mereka] berkumpul dan bincang pasal lakonan sahaja.

FAY: Ooo. Dalam hari-hari diaorang tu?

GSH: Yelah. Diaorang duduk kuarters kan?

FAY: A'ah.

GSH: Dekat Singapura dulu kan, ada dua *company* [syarikat] sahaja tau. Kan saya cakap tadi, Shawn Brothers dengan _____, dekat _____ Road. Sekarang dah takde dah, jadi rumah dah semua. Tapi, kalau ada sesiapa dekat U mana? UiTM [Universiti Teknologi Mara] eh?

FAY: A'ah, UiTM Puncak Perdana.

GSH: Kalau berhajat nak melancong ke Singapura, jangan lupa Studio Jalan Ampas. Ada lagi.

FAY: Oh yeke?

GSH: Tapi, dia pagar. No 8, Jalan Ampas kan?

FAY: Berfungsi lagi ke bangunan tu? (ketawa)

GSH: Dia tak beroperasi lah. Tapi, bangunan dia tu dia biarkan begitu je. Tapi boleh, kalau orang minat filem Melayu, dia mesti pergi situ. P.Ramlee semua situ lah. Aziz Jaafar, Saadiah semua kan. Daripada studio tu lah. Studio tu ada lagi.

NSS: Ooo.

FAY: Ooo. Maknanya orang nak lawat, tengok lah?

GSH: Ha boleh tengok lah. Dia macam buat macam muzium lah. Tapi, dia pagar tau. Boleh, melawat.

NSS: Untuk sejarah lah.

GSH: Saya pun nak pergi, tak pergi pergi lagi, Studio Jalan Ampas [Singapura].

FAY: Hmm, okay. Encik ada, bagi pendapat encik, ada tak perbezaan bayaran untuk penggiat seni dulu dengan sekarang, berbeza tak?

GSH: Apadia?

FAY: Perbezaan bayaran, penggiat seni dulu dengan sekarang.

GSH: Beza, beza.

FAY: Banyak beza?

GSH: Beza bayaran. Nak cakap nanti orang marah nanti.

FAY: (ketawa)

GSH: Kawan saya, pelakon veteran tau. Dia seangkatan dengan Rahim Ghazali.

FAY: Ooo.

GSH: Dia tunjuk dekat saya, "Azli, saya dapat tawaran lah." *"Tawaran apa, bang?" "Ni episod, ni 13 episod" "Berapa dia bayar, eh banyak ni, bagus lah ni, boleh belanja lah" "Belanja apa benda, belanja engkau pun tak lepas lah".*

FAY: Allah.

GSH: *"Kenapa? "Dia bayar aku seribu dua ratus" "Eh, seribu dua ratus? Eh, seribu dua ratus, suruh dia berlakon sendiri lah. 13 episod, seribu dua ratus mana boleh!"*

NSS: Tak setimpal lah.

GSH: Banyak tu,tiga belas [13] episod tu.

FAY: Encik rasa sebab apa? Faktor usia ke?

GSH: Taktau [Taktahu]. Bukan faktor usia, diaorang ambil. Kita taktahu, nak cakap nanti orang marah tau. Kita tak tahu apa niat orang tu, dia nak untung ke, kenapa dia tak menilai orang tu ke, saya tak berani cakap. Nanti orang marah saya.

FAY: Kebanyakan sekarang kan?

GSH: Ha, kebanyakan. Tak, saya pun tak tahu. Benda ni *you all* kena selidik sendiri. Saya tak berani, nanti orang marah. Orang kata, "*apa S.Azli ni mengata*", mampus saya. Dia bantai saya dalam Facebook kang [nanti].

FAY: Faham.-- (ketawa)

GSH: Ooo jahat. Kita niat baik, semua kawan-kawan.

NSS: Hmm (mengangguk tanda setuju)

GSH: Kenapa dia bagi murah tu, kita tak tahu. Kita taknak, jangan ambil lah. Kan?

FAY: Okay lah, ikut orang lah.

GSH: Jangan ambil lah, jangan menghasut. Jangan menghasut orang. Sesetengah orang, dia tak dapat, *“Apa lah company tak bagus lah.”* Jumpa, *“Eh, kau--, jangan berlakon lah dengan ni.”* Jangan--. Tak baik--. Biarlah, biar-- orang tawar dengan dia, biar dia menilai diri sendiri, kan?

FAY: Ooo.

GSH: Kita tumpang dosa, buat apa kan?

FAY: Haah. (serentak)

NSS: Betul! (serentak)

FAY: Betul--.

GSH: Jadi, kita jadi buruk nama tau. Kena orang yang tak faham kan, *“Apa ni menghasut orang pulak kau ni?”* Kata begitu kan?

FAY: Betul--.

GSH: Tapi kita niat baik.

NSS: Hmm.

GSH: Eh takmau—[tidak mahu]. Takut saya.

FAY: Kan? Biar je lah diaorang rasa sendiri kan?

NSS: Hmm.

FAY: Encik rasa, apa ke, penggiat seni sekarang.

GSH: Apadia [Apa]? (serentak)

FAY: Nak jadi pelakon, artis, semua tu kan. (serentak)

GSH: Ha?

FAY: Ada kriteria tertentu tak?

GSH: Apadia?

FAY: Nak-- jadi pelakon, penggiat seni sekarang, ada kriteria tertentu tak, encik rasa? Beza tak, dulu dengan yang sekarang? Macam, syarat-syarat nak jadi artis tu, kriteria dia tu?

GSH: Bagi saya lah, kalau zaman saya, teater ke drama TV ke, apa dia persiapan seorang pelakon.

FAY: Persiapan.

NSS: Hmm. (mengangguk tanda setuju)

GSH: Ada, kena tahu. Persiapan tu seorang pelakon, kena standby, satu. Standby. Okay, hari ini kita kena *shooting* kan. Kadang kadang dia episod kan, tak tentu. Kadang kita duduk di rumah, "*Eh Azli, hari ini kau punya part lah.*" Director [Pengarah] call. "*Ini hari, kau terlibat enam scene tau.*" Scene berapa, scene lapan, scene empat belas, scene tujuh belas. Scene tujuh belas. Kita catat dekat skrip. Kita kena tengok dalam skrip tu, apa yang kita kena bawa.

FAY: Hmm, betul--.

GSH: Itulah persiapan.

FAY: Persiapan. Itu yang penting.

GSH: Kadang-kadang, "*Alamak, kain pelikat tinggal lah.*" Ha ni takmau.

NSS: Ooo.

GSH: Jangan buat macam tu.

FAY: Persiapan lah penting.

GSH: Nanti orang sumpah kita.

FAY: Hmm.

GSH: Orang bayar kau tau. Ni bukan main-main tau, bukan berlakon. Pasal saya-- ada sorang anak berlakon. "*Kau dibayar, sign [tanda tangan] contract, dibayar.*" Bekerja tau. Kita kerja tu.

NSS: A'ah

FAY: Betul.

GSH: Banyak saya tengok macam tu. Ada dua tiga orang macam tu.

FAY: Kan, sekarang ni.

GSH: Ha, dah, itu yang pengarah marah tu. Pengarah naik angin apa semua kan, habis. [bunyi telefon] Bila pengarah marah, dia akan marah pengarah balik kan?

FAY: Hmm. (ketawa)

GSH: “Eh, pengarah tu sombong lah. Sebab apa sombong? Dia tak sombong pun dengan aku.”

FAY: Sebab dibayar kan?

GSH: Sebab, ada sebab dia jadi gitu. Tekanan tau. Pengarah banyak kerja dia, kan?

NSS: Hmm, betul.

GSH: Banyak nak ingat itu, nak ingat *shoot* [rakaman], nak ingat macam karenah artis lagi. Haih, pening. [mengeluh]

NSS: Kena disiplin lah yang penting kan?

GSH: Hmm? Ha?

NSS: Kena disiplin.

GSH: Ha, disiplin. (serentak)

NSS: Kena ada disiplin diri yang tinggi. (serentak)

FAY: Kiranya, dulu pentingnya, persiapan la kan? Macam, ada tak dulu kriteria nak jadi pelakon tu, kena ada rupa yang macam zaman sekarang, (bunyi bersin) kita tahu.

GSH: Ha, sekarang dia kira rupa. Tak tahu la macam mana nilai diaorang. Kita tengok lakonan. Tak, bukan semua lah. Tapi, rupa cantik setengah tu, lakonan pun bagus.

NSS: A'ah.

GSH: Yang saya tengok. Ada setengah orang, dia punya lakonan teruk. Apa ni? macam mana dia pilih ni? (ketawa) Kan?

FAY: Betul. Kriteria tu.

GSH: Kan? Muka lawa tapi tak tak pandai, dia terperanjat entah apa mende [benda] entah. Terperanjat pun tak tentu arah, macam orang over [beria] je. Kena jaga tu.

FAY: Encik rasa, nak jadi pelakon ni, media sosial [sosial media] itu mempengaruhi tak untuk jadi pelakon? Sebab, macam kita tengok bidang produksi kan, banyak pilih instafamous [pempengaruh] sekarang-- kan, daripada yang berbakat. Apa pendapat encik?

GSH: Pandangan saya kalau, sosial media tu penting jugak. Tapi, biarlah selari.

FAY: Selari.

GSH: Selari. Selari macam mana? Kita memang betul, ramai orang akui yang kita berbakat. Okay?

FAY: Hmm.

GSH: Baru kita pergi curahkan apa-apa pendapat kita, pandangan kita. Bila media tanya, kita jawab. Jadi, kena lah dengan, bila orang, apa ni? Netizen tengok, oh kena lah, baca pun sedaplah kan. Ini dia, macam kita cakap tadi la kan, rupa takde tera [takat] mana, *glamour* [popular] je lebih, gitu [begitu] lah kiranya.

NSS: A'ah.

FAY: Hmm, faham.

GSH: Takkan kucing hilang pun nak masuk. Contoh lah.

FAY: (ketawa).

GSH: Tu cari publisiti lah.

FAY: A'ah, betul. Kiranya, encik rasa media sosial itu penting ke? Untuk nak naikkan nama?

GSH: Penting--. Dia sama penting.

FAY: Sama penting.

GSH: Penting.

NSS: Betul.

GSH: Netizen ingin mengetahui.

NSS: A'ah.

GSH: Kalau takde [tiada] media, macam mana?

NSS: Perkembangan semasa semua.

GSH: Ha, dia boleh dengar cakap-- kita je. Kalau radio pun, tak memadai. Dia, Facebook penting. Youtube pun penting.

FAY: Kiranya dia kena selari. Macam cara ni bagus juga lah kan. Hmm. (mengangguk tanda setuju)

GSH: Facebook saya taktahu kena *blank [terpadam]—block [sekat]*.

FAY: Blank? (ketawa) Oh, block.

GSH: Tak tahu kenapa. Ada la tu, Facebook kena jaga sikit tau.

NSS: A'ah.

FAY: A'ah, sekarang ni.

GSH: Kena jaga. Kita cakap kasar dengan orang ke apa. Taktahu kenapa. Kawan-kawan saya pun kena. Facebook, main Facebook. Kadang diaorang cakap lebih kurang ke apa, potong lah. Dah lama masuk tiga tahun baru masuk balik. Tiga tahun. Lama kalau kena *banned* [diharamkan], tiga tahun pun ada.

FAY: Oh yeke?

GSH: Berhati-hati. Benda elok-elok lah kita cakap, dalam Facebook kan?

NSS: Kiranya encik ada akaun Facebook je lah? Instagram ke Youtube takde?

GSH: Saya-, Telegram pun dah takde, Facebook pun takde. Dia hilang sendiri.

NSS: Oh.

FAY: (ketawa)

GSH: Tu saya nak cari, cuba buka, nak tanya anak saya, kenapa hilang. Hilang terus. Tapi, saya ada Whatsapp ada. Whatsapp--.

FAY: Encik rasa, artis sekarang ni banyak yang *famous* [terkenal] semata-mata ke ataupun yang.

GSH: Apadia?

FAY: Berkualiti juga.

GSH: Apadia?

FAY: Artis sekarang, encik rasa ada banyak yang mengejar populariti saja ke ataupun yang famous jugak?

NSS: Yang berbakat.

FAY: Ha, yang berbakat. Bagi pandangan, pendapat lah. Macam.

GSH: Dia berbakat. Yang-- berbakat tu dia pun mengejar populariti juga.

FAY: Ha, nak naikkan nama tu.

GSH: Yang tak berbakat pun, dia mengejar populariti juga. Pasal keinginan dia untuk menceburkan lebih banyak lah.

NSS: Hmm.

FAY: Hmm.

GSH: Dia kena kejar juga.

NSS: Cara dia naikkan nama dia kan?

GSH: Ha, cara nak naikkan nama dia. Cara tu lah. Kalau yang berbakat tu lagi lah kan? Lagi dia nak kena cari populariti juga kan? Dari segi media, media akhbar. Kan?

FAY: Hmm.

GSH: Kan? Memainkan peranan penting juga tu. Media akhbar ni kan? Macam surat khabar pun ada orang beli juga. Kosmo apa semua itu, ada.

FAY: Dari situ jugak la kan?

GSH: Utusan Malaysia. Kan? Ada orang beli. Tapi, tak sehebat dulu la kan?

NSS: Hmm.

FAY: A'ah.

GSH: Tapi bagi saya, akhbar lagi bagus pada ni.

FAY: Kenapa?

GSH: Dalam *phone* [telefon] ada berapa banyak boleh isi je. Kan?

FAY: Kalau. (serentak)

GSH: Tak puas tengok dalam tu. (serentak)

FAY: Ooo.

NSS: Faham.

FAY: Betul la tu.

GSH: Gambar bukan boleh kita simpan lama, kan?

FAY: Hmm.

GSH: Saya nak potong-potong tak boleh.

NSS: Betul.

FAY: **Macam encik rasa, encik berlakon selama ni kan, disiplin artis dulu dengan sekarang ni ada banyak beza tak? Displin, dari segi disiplin. Macam encik kata, lambat ke apa kan?**

GSH: Ooo dulu disiplin oh.

FAY: **Displin?**

GSH: Zaman-zaman Azean Irdawaty kan, zaman-zaman Ahmad Tarmimi Siregar, Ahmad Tarmimi kenal? Dato' Tarmimi Siregar.

NSS: Ooo.

GSH: Dia tu pelakon drama hitam putih lagi. Azean Irdawaty, Ahmad Latif. Saya pun tak berlakon lagi. Saya berlakon tahun, saya berlakon tahun lapan puluh [80]. Di TV lah. Sebelum tu, main teater banyak lah kan. Atas pentas kan? Drama dia berjudul 'Kamal'. Tajuk dia, drama 'Kamal'. Hero dia Jalaluddin Hassan [Dato' Jalaluddin Hassan], pun baru berlakon.

FAY: Oh, Jalaluddin Hasan.

NSS: Ooo.

GSH: Heroin dia Uji Rashid [Fuziah binti Haroun Al Rashid].

NSS: Ooo Uji Rashid.

GSH: RTM tau. Drama RTM. Saya jadi, apa nama entah. Jadi jahat. Jadi— apa dalam satu komplot penagih dadah itu, saya- sudah gelong tau. Ha, saya jadi jahat cerita tu. Nama lupa dah.

FAY: Ooo.

GSH: Kena pukul dekat lorong. Ha, lepas tu baru saya banyak, drama diaorang panggil lah. Diantaranya, 'Puteri Bongsu' saya terlibat. ___ Di Tanjung.

FAY: Hmm, diaorang ni lah kan.

GSH: Pastu, baru TV tiga panggil. Untuk apa nama, cerita 'Seri Temiang Purba'. Seri Temiang arahan _____. Tapi, tv, Bangsawan TV lah. TV tiga.

FAY: Hmm.

GSH: Itu saya jadi Jasim, jahat juga.

FAY: Ooo.

GSH: Dia berebut perempuan tu. Dia ada tiga _____ termasuk saya lah. Tiga orang lah yang bergaduh. Yang gilakan anak Demal tu.

NSS: Ooo.

GSH: Anak Demal tu nama Melati.

FAY: Ooo. Dalam cerita tu?

GSH: Saya pun suka dekat Melati tu. Tapi, dia tak suka saya. Melati suka dua orang ini.

FAY: Hmm.

GSH: Saya cocoklah si, cocoklah, saya cocokkan diaorang dua orang ni. Hasut ke ni, hasut ke ni--- Depa [Mereka] berlaga dua orang. Dua-dua mati.

FAY: (ketawa)

GSH: *Last-last* [Akhir-akhir] diaorang dah tahu beritanya saya yang jadi batu api, saya mati juga.

FAY: Ooo.

NSS: Ooo.

GSH: Saya kena bunuh dengan tok penghulu kot tak silap saya. Dengan orang penghulu lah. Cik Ahmad Yasin. Saya berlakon dengan Mahmud June [Dato' Mahmud June]. Mahmud June jadi penghulu lah cerita tu. Itu lah pertama kali saya berlakon cerita Purba, Purba Bangsawan lah. Bangsawan TV tiga.

FAY: Ooo.

GSH: Tahun berapa lupa dah. Dah lama dah.

FAY: Umur—encik *time* [waktu] tu berapa?

GSH: Ya?

FAY: Masa tu umur encik berapa?

GSH: Tiga puluh [30] lebih kot.

FAY: Tiga puluh lebih, ooo. Okaylah.

GSH: Tiga puluh lebih ke empat puluh. Tara-tara [Takat] itu lah. Sekarang dah tujuh puluh.

FAY: Tujuh puluh? Lama dah.

GSH: Tujuh puluh lima [75] lah, ini Tahun Baru ini. Bulan lapan, tujuh puluh lima lah. Tapi Allah Taala bagi macam ni lah. *Happy* [gembira], *enjoy* [seronok], *smart* [bergaya].

FAY: Alhamdulillah lah.

GSH: Saya selekeh-selekeh ni saya tak suka. Saya rimas. Saya bila muda, saya suka smart. Kemas, macamtu.

NSS: Betul. Macam *relax* [santai] je.

GSH: Pergi kedai tak pakai selipar. Pakai-- kasut kain, kanvas ke apa ke.

FAY: Hmm.

GSH: Saya--- saya tak suka selekeh-selekeh lah. Anak saya ada sorang, dia suka pakai simple. Dia rockers.

FAY: Oh. (teruja)

GSH: Dia main *lead* [utama] pandai tau. Lagu orang putih semua.

NSS: Wah! (teruja) Oh.

GSH: Dia ada group dia, Rock. Nama dia Muhammad Asmadi. Dia berlakon cukup bagus. Dia tak minat. Dia berlakon cerita drama 'Ayob'.

FAY: Anak-- encik eh?

GSH: Ha.

FAY: Oh!

GSH: Apa, 'Semutar Hitam'. *Last* [Akhir] sekali dia berlakon dengan Astro, Kampung Pinang Sebatang. Dia jadi budak—nakal.

FAY: Oh, banyak juga lah berlakon.

GSH: Ada tengok tak? Yang naik motor, jahat. Itu yang orang benci dekat dia tu. Tu anak saya lah.

FAY: Oh.

NSS: Oh.

GSH: Muhammad Asmadi Ghazali. Sekarang dah jadi rockers, main gitar.

FAY: Anak encik berapa orang?

GSH: Anak saya tiga [3] orang je.

FAY: Tiga orang. Pastu [Selepas itu], yang lagi sorang [seorang]?

GSH: Sorang tak minat.

FAY: Haa.

GSH: Tak minat apa-apa. Dia minat politik.

FAY: Oh.

NSS: (ketawa)

GSH: Sembang politik saja. Cucu saya seorang aje [sahaja]. *And* [Dan] nombor dua, Muhammad Asmadi tu.

FAY: Ha?

GSH: Yang saya kata pelakon yang tak minat berlakon tu, tapi dia ada bakat. Dia jadi muzik rockers sekarang. Yang ketiga tu, Muhammad Hanif. Dia ada berlakon juga sekejap pun. Dia main teater kanak-kanak juga dulu. Tapi dia main drama 'Gerak Khas' pun ada sikit-sikit.

FAY: Oh. (teruja)

GSH: And [Dan] then [kemudian, dia buat berniaga sekarang. Dia tak macam abang dia lah, yang rockers tu kan. Dia kadang dia terlibat dengan production jadi cameraman. Kadang jadi *assistant director* [pembantu pengarah]. Itu hari saya berlakon, *you* ada tengok tak? Jozan, 'Jozlyn Perang Raya'.

FAY: Oh ada--.

GSH: Saya kan jadi bapa tu.

FAY: Oh, a'ah--.

NSS: Ooo.

GSH: Saya jadi--, saya cinta kat besan saya tu, kahwin dengan besan tu. Saya jadi, bapa— Ozzlyn—

FAY: Oh, kena tengok balik.

GSH: Saya kan jadi bapa Ozlyn. Johan, yela dia bercinta dengan Johan. Mak, saya cinta dengan mak Johan. Jadi, besan dengan besan bercinta ni.

FAY: Uish.

GSH: Tengok? Cerita tu?

FAY: Kena tengok balik ni.

GSH: Anak saya *assistant director*.

FAY: Haa.

NSS: Ooo.

GSH: Saya pun sampai-sampai, turun-turun, skrip takde [tiada]. Saya tanya budak-- buat air tu, "*Eh mana saya punya skrip?*" "*Nanti panggil assistant director jap.*" Pastu datang, saya tak nampak dia. "*Eh, engkau jadi assistant director?*" Anak saya.

FAY: Ya Allah.

GSH: *"Eh ayah, sorry lah. Nah skrip. Okey eh okay?"*

FAY: (ketawa)

GSH: *"Ni scene mana aku nak buat ni?" "Lepasni ayah relaks jap, minum, lepas ni ayah punya scene." Haa. "Ehh apa ni, nak habis dah tu." Dia cakap. Tengok jam, tengok skrip. "Eh Di, nah." "Eh, dah hafal, ayah?" "Dah." Eh terperanjat dia.*

FAY: Ya Allah.

GSH: Itu yang pentingnya teater.

FAY: Ooo.

GSH: Ha, pentingnya teater tu.

NSS: Hmm.

FAY: Okey--, nak tanya.

GSH: Teater, dia-- mengasah minda supaya jadi—orang kata apa? Pantas untuk berfikir.

FAY: Berbeza lah dengan berlakon kan?

GSH: Pantas untuk berfikir. Kita kalau macam tujuh puluh lebih kan, saya berlakon tadi kan, umur saya tujuh puluh satu kot tak silap.

FAY: Ooo.

GSH: Kalau orang tujuh puluh satu, dia punya.(menunjukkan kepala)

NSS: A'ah.

GSH: Enam puluh lebih pun dah nyanyuk dah.

FAY: A'ah.

GSH: Tapi, Allah Taala bagi, Allah Taala permudahkanlah kat saya, kan?

FAY: Boleh lagi ni semua kan.

GSH: Saya bersyukur sangat. Nyanyi boleh lagi. Kadang orang panggil saya, *Annual Dinner* [Makan Malam Tahunan].

NSS: Ooo.

GSH: Ha, jadi pengacara kan. Kadang orang undang saya menyanyi pun ada. Baru ni pergi, baru balik pada Penang. *Show* [Persembahan].

NSS: Ooo.

FAY: Ooo.

GSH: Saya sekarang buat *show* je. Tak *shooting* dah.

FAY: Okay lah.

GSH: Orang panggil jadi pengacara. Kadang jadi pengadil. Itu hari UM [Universiti Malaya] panggil saya. Dah lama, dua tiga kali juga. Saya, arwah Zubir Ali, Akbar Nawar. Jadi pengadil.

FAY: Ooo.

GSH: Bintang P.Ramlee. Ha, Nasir P. Ramlee.

NSS: Haa.

GSH: Jadi pengadil je. Diaorang panggil.

FAY: Okay lah tu.

GSH: Banyak kali. UM lah kerap. UM.

FAY: Haa.

GSH: Dulu ada kawan saya, dia ada *director* drama juga. Dia lecturer, nama dia Rashid. Dia baru pencen [bersara] je. Ha, dia *lecturer* [pensyarah] UM. Dia rajin panggil saya dulu. Kat UM tu. UiTM sekali, jadi pengadil juga. Saya dengan Tundra. Yang tu, diaorang buat teater lah. Pastu, Universiti Islam panggil. Jadi pengadil juga. Yang tu teater, teater kisah, teater ada dua tiga group teater. Diaorang buat teater cerita perang—dulu-dulu lah. Zaman jahiliyah kan?

NSS: Hmm.

GSH: Saya dengan Tundra. Tundra tu penulis tau. Top [teratas] tau Tundra ni. Dia muka dia macam Z. Hisyam sikit. Saya pun "*TunDra, oh kita pengadil dua orang ha.*" Dua orang je pengadil. Universiti Islam.

FAY: Okay, macam kitaorang tanya tadi kan?

GSH: Ya.

FAY: Pasal Persatuan Seniman kan, ada bagi. Diaorang ada bagi sediakan, tolong artis-artis veteran kan? Macam kerajaan pulak, pada pendapat encik,

ada tak bagi sokongan juga dekat artis-artis veteran ni? Sokongan penuh ke? Untuk kerajaan.

GSH: Kerajaan ni FINAS [National Film Development Corporation Malaysia] lah.

FAY: Ha? Oh yelah kan.

GSH: Adanya FINAS kan? Adanya FINAS tu macam menyokong juga lah. Dia nak kena tengok lah.

NSS: Hmm.

GSH: Macam.

FAY: Diaorang ada bagi dana lah, semua kan?

GSH: FINAS kadang-kadang buat *show* [persembahan], dia carilah orang-orang yang kerap datang *meeting* [mesyuarat], ada muka dia kan? Macam Seniman tadi kan, jadi ahli tak datang meeting. Siapa nak ambil berat?

FAY: Hmm.

NSS: Betul.

GSH: *“Ada show tak panggil I ke apa benda.” “Kau tak pernah datang meeting, panggil engkau apa--, kan?”* Kau duduk lah dulu situ, datanglah meeting. Dia tanya, apa perkembangan mesyuarat, tak tahu. Sebab tak datang. Saya selalu datang tau. Zed Zaidi tu, memang baik lah dengan saya. Zed Zaidi. Presiden Seniman sekarang.

NSS: Kiranya, dia banyak bantu encik lah kan? Zed Zaidi tu.

FAY: Artis-artis, kan?

GSH: Takde. Tak bantu apa-apa. Cuma pendapat--.Tukar-tukar pendapat lah. Kan? Kita menyokong dia. Macam itu tadi, Mesyuarat Agung kita sokong dia. Timbalan dia, Rina Tan. Pun okay, Rina Tan ni. Rina Tan. Saya pun menyokong juga. Alhamdulillah, menang dua-dua orang. Oh, okay lah. Diaorang boleh buat kerja. Bukan glamour. Buat kerja. Zed Zaidi kata kan, *“saya dalam Seniman, saya betul-betul perjuangkan Seniman, sebab saya takut anak saya, cucu saya esok berminat dalam bidang yang sama macam saya, ada Persatuan Seniman, apa diaorang buat?* Jadi, kita didik seniman ni supaya pegang, betul-betul *handle* [urus] seniman ni supaya dipandang atas.

NSS: Dipandang tinggi la kan?

GSH: Hm. Ada benda yang berfaedah lah, kan?

NSS: Hmm.

GSH: Jangan atas nama seniman je, persatuan je. Persatuan tak hidup, tak aktif kan? Tengok dia perjuangkan dapat rumah semua, okay lah. Kan?

NSS: Macam ada juga lah usaha dia tu.

GSH: Ha.

NSS: Okay lah tu.

GSH: Satu lagi, artis-artis yang sakit-sakit ada juga sumbangan. Kan?

NSS: Hmm.

GSH: Saya masuk tak banyak persatuan tau. Saya masuk, yang saya sebagai pencipta lagu. Saya daftar dengan MACP [Music Authors Copyright Protection].

5.2 Temubual Bahagian 2

FAY: Ooo.

GSH: Saya buat lirik lagu, penyanyi dia Eric Abdullah. Dalam Youtube, *you* [kamu] *check* [semak]. Dia Melayu, nama orang putih, nama dia Mat Noor itu tapi dia main golf--, *member* gua panggil dia Eric--, langsung Eric Abdullah. Saya salu [selalu] berbual dengan dia. Lagu yang saya cipta dengan dia berjudul 'Dara Patani'.

FAY & NSS: Ooo.

GSH: Lirik saya, melodi pun saya. *Arrangement* [susunan] muzik, Moha yang main kot. Moha buat susunan muzik lah. Saya cakap, "*Moha, kau buat muzik ini, aku nak [hendak] berbeuk [beriramakan] Thailand.*" Orang dengar ingatkan lagu Siam tapi bukan Siam. Ha itu ciptaan S. Azli ya. Lagu ciptaan S. Azli, lirik S. Azli, nyanyian Eric Abdullah, 'Dara Patani'. Saya duduk dalam sebuah kedai, idea dia berpunca dalam kedai. Kedai tomyam depan rumah saya. Saya duduk, yang dok angkat-- minum-minum tu kan, "*Uih lawa betul budak ni, cantik. Dik meh [Mari] sini jap! Nama sapa?*" Dia cakap macam pelat-

NSS: Pelat Siam? Haa

GSH: Macam Kelantan. "*Ani Ani*" "*Ooo Mu [Kamu] nama Ani. Lama datang?*" "*Lama dah*" Ooo ini memang sah Thailand. Tanya kampung mana, dia kata Narathiwat, Thailand lah. Tengok lawa, banyak budak muda datang mengorat. Orang tua pun dok suka kat dia.

FAY: Ooo.

GSH: Ini cerita betul. Orang tua cakap, "*Eh, tolong cakap dengan Oni, aku nak minang dia*" "*Ehh, kau ni pikir-pikir la sikit*". Dia cakap--

FAY: Ani ni siapa tadi?

GSH: Haa?

FAY: Ani ni siapa tadi?

GSH: Yang budak perempuan itu?

NSS: Penjual kedai itu.

GSH: Nama dia Ani. Pastu saya cakap, "*Ini buat lagu ni bagus ni*". Tu la pasal. Saya balik, saya buat lirik. Saya bayangkan muka dia buat lirik--. Cuba dengar 'Dara Patani', Eric je. Itulah dia yang saya ceritakan di dalam lagu saya. Radio ada keluar tau, Alhamdulillah. Radio keluar, radio keluar banyak. Radio KL sekali-sekali ada keluar. Klasik, radio klasik.

FAY: Ooo radio klasik. -- Okay.

GSH: Itulah sejarah lagu untuk 'Dara Patani' tu.

FAY: Ooo.

NSS: Mengisahkan tentang itulah pekerja itu.

GSH: Ya?

NSS: Mengisahkan tentang pekerja kedai itulah.

GSH: Haa, tentang kecantikan dia, orang suka dia, itu dia, saya fokus di situ. Kebetulan saya nak balik kampung, saya rajin sembang dengan dia. Saya dan dua tiga orang kawan saya di kampung saya. Karaokae ke----- Rajin sembang, sembang. Dah dia mesra dengan kita kan.

NSS: Dia dah kenal.

GSH: Yang nak kacau [ganggu] dia, lantak pi [pergi] lah. Budak-budak muda kan. Tapi yang saya gelak kat kawan saya, "*Kau ni tak----- pangkat anak dah, kau nak kahwin dengan dia buat apa*". "*Kalau pakcik suka kat kamu nak dak [tak]?*" "*Eh taknak lah*"

FAY: Pangkat anak dah. (Ketawa)

GSH: *"Tak nak pula"* (Ketawa). Tak nak sudah, diam-diam je. Jadi, dia nak balik tu kan, saya dah siap album tu, saya bagi dia satu. Dua keping. Saya dengar kat radio Thailand ada pasang lagu tu. Kawan saya hantar. Bapa dia kawan saya, bagi kat bapa dia dua keping album tu, 'Dara Patani'. Kat saya pun dah tiada, orang ambil. *Member* [kawan] ambil--. Semalam petang saya dengar klasik ----, sekali tapi kat luar radio Perlis, radio apa memang selalu. Radio Penang [Pulau Pinang]. Yang nyanyi dia tu lah Eric Abdullah itu. Lagu ciptaan S. Azli-- Sebelum saya bagi Eric, saya bagi dekat Mark Over sebuah lagu 'Cincin Di Jari', pernah dengar? Lagu saya, lirik pun saya, melodi pun saya. Lepastu 'Kuala Lumpur', lirik Mark Over, ciptaan saya. Pernah dengar 'Kuala Lumpur'? *"Di Kuala Lumpur, banyak trafik jam. Beribu kereta."* (Menyanyi)

FAY: Ooo ada ada.

GSH: -- Haa itu lagu saya. -- Kita datang dengan ---- kan, datang dengan ----. Jadi, tiap-tiap tahun, dalam bulan 7 lah kan? Dia hantarlah cek, saya dapat lah duit, saya dapat. Macam saya ada juga album, album saya--, saya buat 8 lagu. Dekat RPM (Recording Performers Malaysia) lulus, lagu saya selalunya radio pasang 'Imbasan'.

NSS: Ooo.

FAY: 'Imbasan'.

GSH: Pernah dengar 'Imbasan'?

FAY: Ada ada.

GSH: Itu saya nyanyi.

FAY: Hmm betul, album--

GSH: *Imbasan* (Menyanyi) – Lapan lagu semuanya. Ada 'Identiti', 'Insafiah'.
Banyak lagi, saya lupa dah.

FAY: Itulah. Sebelum itu--

GSH: Radio luar banyak pasang lah, radio Penang, radio Johor. Radio KL
kurang lah mungkin kitaorang—kos-- lah. Pasal dalam *arrangement*
muzik itu banyak pakai programmer tau.

FAY & NSS: Ooo.

GSH: Sebenarnya kalau kita nak pakai *live* [siaran langsung] boleh, duit
banyak.

FAY: Hmm betul.

NSS: Perlukan dana yang banyak la kan.

GSH: Satu lagu sampai lima, enam, tujuh ribu juga. Satu lagu. Kalau pakai programming, dia boleh kawtim [uruskan] ----- kan. Dia boleh pakej sekali kan? Alat *live* ni, bayar dia main bass tu gitar dah RM300, lead gitar dah nak RM500 ke. Banyak, pening ni.

NSS: Tapi kira okey lagi jugak radio yang masih main aku klasik kan.

FAY: Haah betul.

GSH: Itulah penyanyi yang nyanyi lagu saya, Eric Abdullah, Mat Over, Azmi Sulaiman. Azmi Sulaiman dua lagu saya bagi kat dia. Keluar radio juga okey lah. Jangan bagi lagu tak keluar radio. Tak keluar radio baik tak payah [perlu] jadi pencipta, tak payah.

FAY: Betullah. Kan penat je. Sebelum itu--

GSH: Sekarang baru saya baru cipta sebuah lagu yang berjudul 'Joget Bermadu'.

FAY: Ooo sekarang! (Terkejut)

GSH: 'Joget Bermadu' ni dia sambungan daripada 'Madu Tiga', P. Ramlee. ----- itu je lah.

FAY & NSS: Ooo.

GSH: 'Joget Bermadu' ni saya buat duet. Perempuan dulu nyanyi tau. Dia macam sindir lah. Dia kata, "*Teruna ni, lelaki nak kahwin dua lah*", dia cakap dalam lagu tu. So, dia tanya, "*Kalau kahwin dua, apa rahsia—*" macam mana nak bagi baik lah. Jaga gitulah.

FAY & NSS: Ooo.

GSH: Rukun ramai. Macam mana nak mesrakan ni dua orang ni. Macam mana? Jangan bagi ----.

NSS: Dia punya maksud dalam tu kan.

GSH: Betul tu 'Joget Bermadu'. Saya dok cari penyanyi, belum dapat lagi.

FAY: Sebelum itu, kitaorang nak tahu -- bidang produksi sekarang. Bagi pendapat encik, bidang produksi sekarang banyak mempromosikan filem semata-mata ke ataupun yang lebih kepada filem-filem yang bakat dan kualiti?

GSH: Tak tahulah, tengok kualiti dia kurang lah.

FAY: Kurang?

GSH: Kurang. Masa zaman-zaman Yusof Haslam tu okey lagi.

FAY & NSS: Hmm. (Mengangguk)

GSH: Yusof Haslam pun dia seorang pengarah yang berjaya. Anak dia pun berjaya juga. Yusof Haslam banyak filem dia Box Office tau, 'Maria Mariana'. Itu arahan Yusof Haslam tu, 'Maria Mariana'. Lagi apa?

NSS: ----- tu?

FAY: Haah. Banyak-banyak.

GSH: 'Bayangan Maut', 'Pemburu Bayang'. Nanti *you* tengok balik lah. Yusof Haslam pengarah yang berjaya. Lepastu, lahirnya anak dia, 'KL Gangster'. Turun—[Turun-menurun]

NSS: Memang berbakat la kan.

FAY: Keluarga diaorang--

GSH: Syamsul panggil saya abang, bapa dia marah, "*Ha! Kau panggil abang? Abah panggil dia abang lah. Kau panggil uncle lah*". "*Haa okey—*".

FAY & NSS: (Ketawa)

GSH: Syamsul okey, nampak muka macam sombong tapi dia baik.

FAY: Haah kan.

NSS: Ramah la kan.

GSH: Dia ramah. Kakak ----- laju. ----- Laju. Lama tak jumpa dia. Syamsul itu, watak baik tak boleh dia. Pandangan saya lah. Boleh watak sombong, ego.

FAY: Muka dia tu kan. Untuk muzik pula--

GSH: Ya?

FAY: Untuk muzik pula, encik rasa cukup tak muzik atau seni yang terdapat di negara kita? Cukup tak? Cukup yang berkualiti?

GSH: Berkualiti tu ada.

FAY: Ada juga kan.

GSH: Ada tapi tak tahu lah nak cakap. Tetapi saya cakap dengan awak, filem dengan muzik kena seiring. Filem juga-- muzik juga, dia amat penting di dalam filem untuk saya.

FAY: Betul--

GSH: Filem dia punya selari dengan muzik. *You* tengok lah, filem josh [jerung] ikan. Ikan dia cuba toksah [tidak perlu] letak muzik lah. Nampak je ikan.

NSS: Haah.

FAY: Tapi ada la-----

GSH: "*Help me! Help me!*" cakap suara pelakon itu sahaja, jangan taruh [letak] muzik apa benda. Gerunnya tak ada, gerun-gerun juga tapi muzik masuk, dung dung dung dung (Gimik bunyi).

FAY & NSS: Haa haah.

GSH: Haa itu saya kata muzik kena selari dengan itu. Selari. Contohnya filem dulu, macam anak dagang kena halau daripada kampung, *you* tengok *background* [latar belakang] muzik dia apa, biola. Ikut sedikit dia biola lah. "*Keluar kau daripada kampung ni!*". "*Sampai hati atuk halau saya. ----- Saya ni tak ada tempat saya nak duduk.*" "*Aku cakap kau keluar daripada kampung ini!*" "*Baiklah atuk.*" Dia pun ambil beg bungkus. Violin dia bunyi kat belakang. (Menggimik bunyi violin). Dia seiring dengan lakonan sebenarnya, orang tak faham.

FAY: Kalau tak, tak hayati.

GSH: Haa pelakon-pelakon sekarang, penerbit sekarang ni tak faham apa itu muzik dan juga-- kena seiring. *You* tak percaya, tengok drama-drama lama kat TV lah tengok.

FAY: P. Ramlee dulu semua.

GSH: Tengok pelakon, tengok muzik, tengok dialog. Dialog dulu baku tapi lakonan bagus. Dialog baku tau dulu baku.

FAY: Hmm betul (Mengangguk).

GSH: Saya rasa dialog sekarang kan-- macam memujuk atau pun macam dialog sekarang, *"Kau tak payah lah, tak usahlah menangis. Kau menangis, aku pun sedih lah. Tak usah menangis. Yang dah pergi tetap pergi"*. Kalau dialog dulu-dulu— Macam dialog sekarang, *"Eh, kau tak usahlah kau-- Eh, kau nak menangis apa Combi. Jangan menangis la Combi. Kalau kau menangis, orang mati itu takkan boleh hidupkan balik. Buang masa. Berserah pada Allah. Da tiba masa. Nak buat macam mana?"* Contoh! Dialog sekarang. Dialog dulu, dia cakap apa? *"Usahlah kau menangis Combi, akibatnya sangat buruk"* kan. P. Ramlee kan?

NSS & FAY: Ooo bahasa dia tu (Kagum).

GSH: Beza apa dia selamba juga. Dialog dulu dia selamba tapi dia selamba beralunan cantik.

FAY & NSS: Haa (Mengangguk).

GSH: Kita boleh masuk dalam.

FAY: Betul betul (Mengangguk).

GSH: Menusuk kalbu. Filem dulu banyak boleh sentuhan rasa itu.

FAY: Pengajaran itu semua kan.

GSH: -----, 'Antara Dua Darjat', memang filem yang boleh menghayati dengan sepenuhnya, menangis itu. 'Menarik Beca' pun sama. Apa nama-- Bukan P. Ramlee sahaja yang filem boleh mengalirkan air mata ni. Jamil Sulong pun dia-- Boleh tengok dalam Youtube, 'Lela Manja'. Cuba cari tau. Itu tu filem arahan Jamil Sulong. Memang best. 'Lela Manja' ni pelakon dia Aziz Jaafar. Hero dia Aziz Jaafar, heroin dia Zaitun. Mak Nani yang ada sekarang pun dia ada. Dia jadi Aziz Jaafar punya girlfriend kot tak hilap. Cerita purba lah. Jin Samsudin jadi berat, ----- kepala botak. A. Rahim. Pergi cari dalam Youtube ada 'Lela Manja'.

FAY: 'Lela Manja' (Mengangguk).

GSH: Dia *part* [bahagian]. Tapi dia dalam Youtube dia buat *part 1*, *Part 2* pulak. Ada. Pergi cari. Cerita dia, Normadiah jadi jahat, jadi mak tiri memang garang, ganas. Normadiah jadi jahat memang duduk, jadi ibu tiri lah. Yang pelakon kanak-kanak, masa Aziz Jaafar kecil-kecil tu Bad Latiff. Bad Latiff yang main [berwatakan] 'Batu Belah Batu Bertangkup' yang jadi pekan tu kan. Tu kakak dia tu Habibah Baharun, jadi Lela kecil lah.

Memang menangis kalau korang tengok. Dalam Youtube tengok 'Lela Manja' arahan Jamil Sulong tau. Yang keduanya 'Seri Tanjung' cuba cari. Cuba catat yang saya cakap.

FAY: Haa okey okey. 'Lela Manja' dengan--

GSH: 'Seri Tanjung'. Pengarah dia Jamil Sulong.

NSS: Ooo.

GSH: Mak Nani punya suami tu. Mak Nani ada lagi. Suami dia tu, Jamil Sulong. Okey, nak tanya apa lagi?

FAY: Pasal muzik dengan lagu pula, bagi pendapat encik sendiri, muzik-- lagu sekarang ni lalaikan tak?

GSH: Tak tahulah. Anak saya seorang *musician* [ahli muzik]. Saya tengok apa beza zaman Salim, Jamal Abdullah dengan sekarang punya lagu kan, lagu sekarang ada dekat sampah, dekat sampah tak tahu apa benda.

NSS: Tiada nilai kan.

GSH: Apa yang kita nak agungkan? Itu anak saya cakap tu. Kita tak minat lagu sekarang.

NSS: Macam lagu dulu banyak pengajaran kan.

GSH: Dia *musician*-- Haa. Apa benda lagu sekarang, tak best lah. Itu dia main lagu rock je. Dia tak minat. Kita tak tahu nak cakap, nak letak macam mana. Contohnya zaman Salim baru boleh bangga.

FAY: Haah.

GSH: -----

FAY: Dia ikut lagu kualiti lagu itu jugak la-----

GSH: Haa tiada kualiti lah lagu sekarang, tak tahu apa benda lagunya.

NSS: Lagu Salim pun sampai sekarang *still* [masih] main juga kat radio kan?

GSH: Ya.

FAY: Encik rasa banyak yang bertentangan dengan adat ketimuran, agama ke lagu-lagu sekarang? Macam black metal ke yang--

GSH: ----- macam itulah.

FAY: Ye? Banyak juga?

GSH: Tak ada arah tujuan.

NSS: Dia banyak ikut cam barat.

GSH: Haa Dia banyak barat. P. Ramlee dah cakap jangan terlampau banyak ikut barat, nanti tinggal kita punya budaya.

NSS: Kita punya adat sendiri kan.

GSH: Jangan tinggal budaya, P. Ramlee cakap.

NSS: Sepatutnya kita naikkan budaya kita sendiri kan.

GSH: Macam gitu [begitu] kan. Pelancong-pelancong barat datang sini kan. Dia bukan nak tengok kau kenyanji lagu rock. Dia bukan nak tengok kau nyanyi lagu orang putih, dia gelak je. Dia nak tengok kita menyanyi 'Seri Mersing', dia nak tengok kita nyanyi 'Rebana', dia nak tengok kita nyanyi 'Ma'inang'. Itu yang dia nak tengok, Zapin. Itu dia bangga. Itu dia ambil video bawa balik kampung dia. Inilah budaya Malaysia, budaya kita lah, budaya orang Melayu kita. Dia tengok itu.

FAY: Adat kita kan.

GSH: Ha. Bukan dia nak tengok kau menyanyi lagu rock, gelak je. Dia lagi bagus kan? Tapi orang suka bangga-bangga barat. Malah nak sentuh lah, tengok TV pun, eh, macam itu juga lah.

NSS: Sebab dia nak *rating* [penilaian] naik kan?

GSH: Cuba tengok drama Cina, ada dia cakap orang putih tak? Dia campur rojak tak? "*Excuse me? Please--*" Mana ada.

NSS: Dia guna bahasa dia.

GSH: India pun sama. Dia tak ada, bangga barat lah. Dia cakap, cakap India terus. Kecuali kalau ada babak orang putih datang kat India kan, dia cakap orang putih lah. India kan, dia orang punya bangsa kan, dia agungkan bangsa dia. Cina pun sama. Saya tengok banyak drama Cina tak ada rojak macam kita punya drama. Tapi ini mereka-- kehendak. Kehendak penerbit itu. Kita kena ikut penerbit. Kehendak dia macam tu, nak buat macam mana. Nak bangkang-bangkang pun tak boleh.

FAY: Kena ikutlah.

NSS: Kita kerja kan, bayar, makan gaji.

GSH: Fahaman dia begitu. Fahaman kita yang kita cakap kan. Kenali lima, enam orang yang dengar fahaman saya, dia suka betul yang dia cakap. Macam seorang ini, "*----- Alah cakap orang putih, apa salah?*" Itu

manusia tak sama kan. Setengah orang dia ingat manusia semua sama. Semua nak dengar cakap dia, tak boleh juga kan?

NSS & FAY: Haah (Mengangguk).

GSH: Kita leparkan pandangan saya macam tu. Sebab dia dalam pergaulan dia, saya kena jaga dengan kawan kan? Takkan kita makan laksa, dia semua makan laksa (Ketawa). Biasa tak? *"Eh, aku kena makan laksa, bagus lah". "Aku tak suka." Contoh lah, aku suka mi. "Eh, mi tak bagus makan laksa."* Contoh gitulah, sebab itu manusia bukan sama. Manusia pun, ada suka baju merah, ada suka baju kuning. Itu dahsyat tau main psikologi, pening kepala.

NSS: Cita rasa sendiri kan.

GSH: Nak jaga hati orang kan. Sebab itu saya, ish kawan, dia tengok kawan juga.

NSS: Pengaruh lah?

GSH: Ha?

NSS: Pengaruh.

GSH: Pengaruh tiada lah. Nak kena jaga hati kawan yang berlainan cara, berlainan perangai, berlainan hobi. Kita tak minat bola kan? Dia cerita kat

kita, *"Oi malam tadi bola dahsyatnya! Aku minat ni"* Kita tak minat bola, kita jangan cakap, *"Apa benda kau cerita bola pulak"*. Tak boleh. *"Oh yelah, aku pun seronok lah"*. Apa salahnya. Tak adalah dia kecil hati dengan kita kan? Betul tak?

FAY: (Mengangguk). Hormatlah juga pandangan orang kan.

NSS: So--

GSH: Orang macam macam, cerita bersilat pun ada. Yang cerita nak bergaduh pun ada, ada. Kawan saya taiko-taiko pukul orang pun ada tau. Dah tua-tua bangsa cerita pukul orang, ada. Buatlah cerita lain kan. Macam-macam orang yang saya campur, yang kaki perempuan, ada yang kaki mabuk, ada yang saya campur. Yang kaki dadah pun ada saya campur. Kaki dadah kita nasihat sajalah, *"Eh, engkau. Aku bukanlah nak hina kau. Kau manusia macam aku juga, aku ada anak tau. Aku hisap ganja juga, tapi aku boleh berhenti sebab ganja tu kacau aku dalam sembahyang. Tak boleh. Macam kau haa."* *"Dah sampai masa aku berhenti la ye? Okey ye. Alright [Baiklah]. Okey"*. Habis cerita. Mana boleh hina orang dadah, tak boleh. Dia balik kat kita.

NSS: Kita kena *support* dia lah kan?

GSH: Haa kita kena ----- macam-macam balik kat anak dia jadi begitu, ada. Itu saudara saya sendiri, *"Itu hisap dadah itu. Aku tak mau esok besar kau jadi macam itu."* Dalam hati saya, *"Astaghfirullahalazim ----- apa benda dok mengumpat orang. Jiran kau"* cakap kan. Memang anak dia jadi gitu?

FAY: Ooo.

GSH: Anak dia iitu macam saya-- Dia panggil pakcik kan, anak saudara lah. Dah meninggal dah. Lagi teruk daripada anak orang tu. Jangan main-main tau.

FAY: -----

GSH: Itu saya kata tadi, Astaghfirullahalazim. Itulah kita kena Istighfar banyak-banyak lah. Itulah sikit tazkirah saya. Sikit aje.

FAY: Okey lah tu (Ketawa).

GSH: Banyak-banyak orang kata, "*Pergi jadi Ustaz lah, cakap apa ni orang nak interview ni jadi Ustaz pula*". (Ketawa atas gurauan)

FAY: Takdelah (Ketawa).

GSH: Kan. Apa dia nak tanya apa lagi?

FAY: Oh!

NSS: Seperti yang kami tahu kan, encik mula karier seni encik dengan teater. Jadi boleh encik cerita sikit judul teater pertama encik?

GSH: Teater pertama saya, Teater Seri Perak. Itu berpusat dekat Kompleks Budaya Negara itu. Tulis lah situ, tulis lah.

NSS: Dia mengisahkan tentang apa ek?

GSH: Bukan mengisahkan apa. Teater ni kelas lakonan tau. Jadi dia panggil teater, kelas lakonan, kelas.

FAY: Ooo.

NSS: Ooo kelas.

GSH: Okey, dia pejam mata, dia kata dia macam asas apa asas tubuh cukup elok, cukup banyak dia bagi asas tubuh kena penjam mata punya. Buang, kosongkan fikiran apa semua kan. Dia ada lontaran vokal pun ada tahu tak. Sebab teater, undang-undang teater, dia tidak boleh pakai mikrofon. Salah. Sebab itu dia main banyak vokal. “*Do Re Mi Fa So*”, macam menyanyi juga. Kalau kita buat *show* dalam dewan, tak pakai mikrofon, suara kena lontar jauh. Bukan pekik [menjerit] tau, kena kuatkan suara. Itu dia buat *Do Re Mi Fa So tu*.

NSS: Siapa pengarah teater tu?

GSH: Masa itu, yang pengarah—saya Mentari Raman. Tanya orang teater dia tahu. Orang lama itu. Danesman, mereka kenal itu.

NSS: Ada tak artis yang terlibat juga dalam pementasan teater itu? Macam artis--

GSH: Amat Tarmimi Sarigar itu. Amat Tarmimi Sarigar, Ahmad Yatim budak teater. Mior Hashim Manap, Izzaidah Khairan.

FAY: Semua daripada teater? Ooo.

GSH: Semua daripada teater. Fauziah Nawi.

FAY: Haah Fauziah Nawi.

GSH: Haa semua teater. Satu lagi, Ibrahim Aqil. Banyak saya nak cakap, banyak. Omar Abdullah, semua daripada teater. Azizah Dawati.

FAY: -----

GSH: Ha?

FAY: Masa pertama teater encik itu, diaorang memang berkumpul sekali ke apa?

GSH: Takde, diaorang grup-grup lain.

FAY: Ooo grup lain lah.

NSS: Hmm (Mengangguk).

GSH: Lain, tak campur.

FAY: Sekali dengan encik ada yang artis -----?

GSH: Itu Sani Sudin itu, -----, dia teater.

NSS: Masa itu berapa umur encik?

GSH: Masa tu tiga puluh- dua puluh lapan- dua puluh lebih, dua puluh lapan, dua puluh sembilan, dua puluh enam, dua puluh tujuh gitu kot.

NSS: Encik rasa waktu itu, teater itu mendapat sambutan ramai tak? Macam tiket yang terjual waktu itu?

GSH: Okey. Selalu bermentasan di panggung bandar raya kan? - Dekat UAM dulu kita gabung kan? Kita buat pesta teater, gabungan teater wilayah. Tahun berapa tak tahu saya lupa dah. Saya dengan grup Astaka, campur campur lah. Grup Asmita pun join, grup Kusbah, campur campur dia jadi gabungan teater wilayah. Cerita dia, 'Tiada Gendang ----- Tari', arahan adalah Zain Yahya.

FAY: Ooo.

GSH: Kat UM. Berapa lama dok UM seminggu apa.

NSS: Okey, kita nak pergi kepada lakonan. Pada pendapat encik, apa yang dia maksudkan dengan dunia lakonan itu sendiri? Macam apa itu bidang lakonan?

GSH: Apa dia?

NSS: Apa bidang lakonan itu?

FAY: -----

GSH: Ini adalah bidang lakonan ini, kita membawa watak orang lain untuk dilahirkan kepada audience [penonton], kepada penonton. - Apa - yang akan kita persembahkan kepada penonton di segi moral, di segi sikap, di segi penasihat, kita lahirkan dari lakonan kita lah. Lakonan kita - menjiwai.

FAY: Okey. Hm--

GSH: Kalau kata dalam babak itu, dia perlukan kita menghina orang itu, kita kena berkesungguhan, nampakkan watak itu timbul sehingga orang benci dengan kita. "*Dia ini ----- betul lah!*" Contoh gitulah.

NSS: Haah.

FAY: ----- orang menghayati.

GSH: Macam saya berlakon 'Megat Terawih' dulu kan, jadi Tengku Ngoh. Saya tukang hasut tau. Hasut. Cocok-cocok [Cucuk]. Megat Terawih. Depan Megat Terawih baik je. Tapi Megat Terawih belakang pusing je. *"Dia ni jangan main-main. Tak guna ni. Tahu lah Tengku!"* Macam bodek lah. Macik dia tengok, macik dia cakap, *"Eh, asal beli ni". "Aku nak elastik kepala dia"*.

FAY & NSS: (Ketawa).

FAY: -----

GSH: Yang mana kita punya tu dia merosak, merosak dalam jiwa orang yang menonton. Lakonan ni itulah dia, kita lakonkan benda yang bukan betul, tapi nampak betul.

NSS: Kita kena jiwai lah watak tu betul-betul.

GSH: Menjiwailah.

NSS: Supaya orang boleh faham maksud kita.

GSH: Haa boleh faham maksud kita cakap. Okey nak tanya apa lagi?

NSS: Siapa yang bawa Encik kat dalam bidang lakonan ni?

GSH: Saya yang bawa saya dalam bidang lakonan - saya memang minat lakonan. Satu, saya duduk kat Sri Ampang itu masa itu setingga2. Saya menyertai satu - apa nama - badan dalam persatuan politik itu. Dalam persatuan politik itu, tak mau cakap parti mana lah. Dalam persatuan politik itu ada-- biru budaya, biru ni, biru kesenian tu. Saya masuk dalam biru kesenian tu.

FAY: Hmm (Mengangguk).

GSH: Jadi, yang bawa saya masuk dalam pentas teater ni kan, dia ajak saya masuk grup dia. Nama dia Kesuria, grup dia itu. Yang mengajak saya masuk tu, sekarang ni dia jadi Setiausaha Gabungan Teater Wilayah, nama dia Kamarul AR. Saya jalan dengan kumpulan dia dulu. Kesuria, nama grup dia. Kampung Sri Ampang bermulanya saya. Lepatu, saya pergi ke Teater Seri Perak di Kompleks Budaya Negara.

FAY: Kamarul itu dia sekali ke?

GSH: Haa Kamarul sekali lah, sekali. Dia ajak saya. Dia banyak bagi semangat lah.

NSS: Dia bagi semangat semua

GSH: Ya?

NSS: Siapa pelakon veteran yang masih bersama-sama dengan encik berlakon dulu yang encik masih rapat sehingga sekarang?

GSH: Rapat? - Tak ada dah.

FAY: Tak ada?

GSH: Tak ada. Yang rapat berlakon ada lah. Rahim Razali ada berlakon dengan saya. Rahim Razali. Lama orang lama tu. Dia orang teater tu. Rahim Razali--, drama 'Bercakap Dengan Jin'.

FAY & NSS: Ooo.

GSH: Saya ada-- tapi saya ada tiga babak je. Oh, Eman Manan pun teater. Ah, Eman Manan. Eman Manan pun saya berlakon dua drama je dengan dia, 'Pendekar Kundur' dengan 'Keris Hitam Bersepuh Emas'. Pernah tengok? 'Keris Hitam Bersepuh Emas' ada? Saya jadi penghulu-- saku, penghulu kelakar, penghulu penakut.

NSS: Kena cari.

FAY: (Ketawa).

GSH: Cakap besar, belum bunyi anjing je dah cabut dah.

FAY: (Ketawa) -----

GSH: Yang itu saya berlakon dengan Eman Manan.

FAY: Ooo banyak filem -----

NSS: Haah.

GSH: Setengah orang dia takut berlakon dengan orang yang ada nama.

FAY: Kenapa?

GSH: Melemahkan semangat kita kan.

NSS: Hmm.

GSH: Setengah orang tengok, *"Eh, Eman Manan lah! – Seganlah". "Segan apa benda! Kau pelakon ke apa? Kau main-main ke apa ni? Dia orang macam kau jugalah. Kau berlakon dengan hal kau, dia dia hal dia"*.

FAY: Haah.

GSH: Satu lagi, jangan tiru watak dia.

NSS: Jadi diri sendiri.

GSH: Setengah orang dia tertiru orang tu tau. Orang tu cakap, "*Ya, saya tau ini!*" (Melakonkan). Dia pun, "*Yaa*". Kau buat nada lain, nada engkau. Tak ori [original atau asli] lah.

NSS: Kena jadi diri sendiri lah kan.

GSH: Hm. Kalau kau nak jadi peniru, macam saya tak apa, saya gimik, *one man show* [persembahan solo], seorang je. Saya kat radio saya seorang je buat suara tiga, empat lah.

FAY: Ooo.

GSH: Oh S. Azli berbual- berwawancara dengan seniman Jin Samsudin, contoh kan. Saya juga. Saya kata, "*Assalamualaikum Dato' Jim. Ini Hari Raya, tak balik Taiping ke?*" "*Oh Saya rasa Hari Raya ini kemungkinan saya-menunggu kalau berkurangan jam, saya akan balik ke Taiping*". "*Oh, jam ah? Saya nak balik dengan jam juga. Jam Tan Sri cakap betul lah. Jalan sesak kan? Tak selesa lah kita ya, Tan Sri*". "*Ya memang tidak selesa bagi saya*". Kan Jin selalu cakap macam itu kan?

NSS: Haah.

FAY: Encik memang dikenali sebagai penggimik suara itu lah.

GSH: Itu yang orang panggil saya untuk *show*. Undang saya, saya itulah hasil persembahan saya.

FAY: Ooo.

GSH: Pehtu [selepas itu] kalau ada *live band* saya nyanyi dua tiga lagu. Kombo ke.

FAY: Memang berbakat lah.

NSS: Haah.

GSH: Ya?

FAY: Memang berbakat lah.

GSH: Alhamdulillah.

NSS: Ada tak orang sekeliling encik masa itu yang bagi pandangan negatif kat encik bila encik menjadi pelakon?

GSH: Maksud awak?

NSS: Macam ada orang yang sindir ke? Macam--

GSH: Tak ada, tak ada.

NSS: Takde? Semua bagi— ini lah--

GSH: Tak ada, tak ada. Belum jumpa lagi orang macam tu.

FAY: Ooo Alhamdulillah lah.

GSH: Belum, belum. Tak tahu lah akan datang mungkin jumpa. Buat masa ini belum jumpa lagi.

NSS: Alhamdulillah lah.

GSH: Orang dengki dengan saya, tak ada lagi, belum lah.

NSS: Kiranya semua macam *support* [memberi sokonan] encik lah kan?

FAY: -----

GSH: Saya punya jiwa lain. Dulu ada lah krisis sikit, teater kan. Saya rasa teater. Bertekak lah. Pementasan nak start dia bertekak dengan saya. Bertekak-- Saya pun bertekak, dia lawan balik. Dalam drama tu ada *scene* bergaduh, *scene fight* [bergaduh]. Saya jadi lanun. Saya lawan, dia hero. Tapi dia ambil kesempatan dalam lakonan, dia bantai saya betul-betul tau. Dia tendang saya dua kali. Memang. Ini bukan berlakon kata ni. Tak apalah, saya habis tu dia okey lah. Saya pun tak cakap lah. Dia jadi panjang nanti. "*Eh Apa pasal kau berlakon tadi kau tendang aku betul-betul?*". Dia panjang kan?

FAY & NSS: Haah (Mengangguk).

GSH: Takpelah. Dia lupa lah. Lepastu selang tiga, empat hari kan, kumpulan lain nak buat *show*, nak buat pementasan dekat Ipoh. Dia sebut nama orang yang tendang saya tadi. "*Aku nak dia! Kau kenal dia tak?*" "*Apa kenal, Kamarul AR kenal*" "*Nombor telefon dia berapa? Aku nak ambil dia, aku nak ambil dia jadi Tok Mulu*" "*Boleh boleh*" Bagi ke dia. "*Kau jangan cakap aku bagi ya*". Habis dia pun call [menghubungi] orang itu. - "*Eh macam mana kau dapat nombor telefon?*" "*Ada lah orang bagi*". "*Siapa?*" "*Eh tak boleh, tak boleh. Orang itu tak boleh bagi nama*". *Siapa dia? Siapa dia?*" Dia tahu jugak. Aduh, dia punya menyesal pula. Dia menyesal lah dia pergi terajang kat atas pentas itu. Dia nak marah, nak bergaduh ini tak boleh. Dia rasa ----- dalam lakonan. Orang filem pun banyak berlaku begitu.

FAY: Iya ke?

GSH: Haa.

FAY: Dia lepas dalam situ pula?

GSH: Dia lepas geram dalam, dalam lakonan. Tak tahu. - *"Eh aku berlakon"*.
Dia bantai betul. Aduh.

NSS: Tak professional lah.

GSH: Ha?

NSS: Macam tak professional lah.

GSH: Dia marah kat luar, dia bawa kat dalam.

NSS: Haah.

GSH: Kan. Itu lah dia permainan orang-orang drama. Kita berlakon drama,
drama je tau. Kita jangan berlakon drama dalam kehidupan. Susah.

FAY: Hmm (Mengangguk).

NSS: Macam terbawa-bawa lah kan.

GSH: Macam kita berlakon, berlakon je la ikut skrip. Itu berlakon lah kan. Tapi –
(Gangguan ralat) Boleh, boleh. Tak ada benda. Borak biasa saja. Tapi

tolak perlahan-lahan lah ya. (Ketawa) Tutup, tutup jap dik. Haa boleh--. D-O-. A-D-O. Dia buat majlis anak dia kahwin kot. Dia panggil saya, "S. Azli, *I hendak you bergimik sikit suara beberapa ----- lama lepastu you nyanyi empat lagu.*" Okey tapi dia bukan karaoke, dia kombo--. Recorder, pakai saksofon, Itu lagi saya suka, lagi saya suka.

NSS: Macam klasik lah ek?

GSH: Sebab saya pernah nyanyi dekat radio. - Kalau *you type* [menaip] kan, S Azli, 'Suara Takbir'. Itu kombo RPM. Saya nyanyi lagu raya. Lagu raya!

FAY & NSS: -----

GSH: Ha? *Dengar beduk berbunyi* (Menyanyi). Haa lagu itu.

FAY & NSS: Ooo.

GSH: Kalau *you type* dalam Youtube, S Azli, 'Suara Takbir'. Keluar lah. Lagu itu lagu P. Ramlee itu.

FAY & NSS: Haah.

GSH: Kombo RPM. ----- dekat - - bawah dia itu, dekat auditorium P. Ramlee kan. Saya lebih suka kombo daripada gitar-gitar ini kan. Kombo dia lagi padu.

FAY: Kombo apa alat-alat dia?

GSH: Kombo dia, alat dia drum, drum biasalah. Recorder, flute, trumpad, violin, dia banyak.

FAY: Hmm (Mengangguk).

GSH: Orkestra lagi banyak. Sampai tujuh viola tinggal RPM kan. Kalau kombo, dia kecil lah sikit kan. Viola tiga je.

NSS: Maksudnya dia lebih kurang dengan orkestra lah tapi dia lagi kecil.

GSH: Haa dia kecil. Kitaorang panggil kombo. Tak tahu lah, saya pun tak faham sangat. Kombo, ----- . Nak kena tanya orang muzik juga. Apa- Saya belum tanya.

NSS: Hmm--

GSH: Saya baik dengan Akbar Nawab.

FAY: Ooo.

GSH: Adik Ahmad Nawab. Selalu dia jadi pengadil dua orang. Cakap Penang lah. Saya Penang tapi saya suka cakap macam ini okey.

NSS: Cakap biasa.

GSH: Kalau itu ada *member* Penang, saya tak cakap macam ni. Lain, saya ubah. Jumpa Singapore, kita cakap Singapore.

FAY & NSS: Ooo.

GSH: Jumpa orang minang, kita cakap orang minang. Orang ingat saya orang minang. Orang minang orang Gombak.

NSS & FAY: Haa.

GSH: Awak pernah kawan orang Gombak tak?

FAY: Tak pernah.

GSH: Ada Gombak?

NSS: Setakat ini tak ada.

GSH: *You* orang mana?

FAY: Kitaorang semua Perak.

GSH: Perak ek?

NSS: Saya Taiping.

GSH: Taiping. (Menuding jari ke FAY, NSS, dan pembantu teknikal)

FAY: Semua Ipoh, yang ini je Taiping.

GSH: Ipoh juga? Ini Ipoh juga? Uih kakak saya duduk Ipoh. Kakak saya duduk Taman Perpaduan, Tambun. Haa jalan satu. Kalau pergi sana, kalau nak keluar kan. Ada satu warung dia jual buah-buahan. Dia tulis situ Warung Kita.

FAY: Ooo.

GSH: Itu abang ipar saya itu. Kenal? (Bercakap dengan pembantu teknikal).
Haa kirim salam kat dia. Kata, S. Azli kirim salam.

NSS & FAY: Hahaha (Ketawa).

GSH: Dia kahwin dengan kakak saya lah. Kadang saya pergi sana juga, pagi raya. Ooo orang Taman Perpaduan ek. Yela Wahid kat situ juga kan? Wahid Senario.

FAY: Haah betul--.

GSH: Anak buah saya kerja kedai dia, kedai basikal. Haa Wahid Senario.
Orang Ipoh.

NSS: Hmm encik--

GSH: Tapi orang Ipoh tak cakap macam Perak ek? Cakap macam KL ya?

FAY: Haah dia macam KL sikit.

NSS: Dia lebih kepada Selatan sikit.

GSH: Ha?

NSS: Dia lebih kepada KL lah.

GSH: Haa ye lah. Tapi kalau orang Bota—itu - -

NSS: Hmm (Mengangguk).

FAY: Bota, Kampar, itu semua pekat Perak kan.

NSS: Kuala kan.

FAY: Kuala haa.

GSH: Os - - "*Ape kenenye kome*" [Kalian, Pelat Perak] semua itu ye?

FAY: "*Ate kome*" semua--

GSH: ----- itu kan?

NSS: Haah?

GSH: Yang penyanyi itu kan. Haa dia orang Kuala Kangsar.

NSS & FAY: Ooo.

GSH: Perak juga. Apa nama- Persatuan Yayasan Artis Veteran, presiden dia orang Perak juga.

FAY: Ooo.

GSH: Siapa nama? Kismah Johar. Kismah Johar itu pelakon, jadi mak andam, jadi dati--

NSS: Watak-watak--

GSH: Persatuan saya masuk kan, MACP okey. MACP ini adalah satu badan untuk bayar realiti kepada pencipta lagu dan penulis lirik haa.

FAY & NSS: Hmm (Mengangguk).

GSH: Tulis itu. Nanti orang tanya *you*, MACP ini untuk apa, persatuan apa. *You* tak boleh jawab. Ini persatuan untuk penulis lirik lagu dan pencipta lagu.

NSS & FAY: Ooo.

GSH: Haa dia bayar untuk- Bila lagu kita disiarkan kat radio, dia bayar untuk mencipta dengan lirik. Satu lagi persatuan saya masuk, RPM, Recording Performers Malaysia.

FAY: Ooo RPM--

GSH: Recording Performers Malaysia ini dia bayar untuk nyanyian sebab saya menyanyi juga. Saya masuk itu. Dia bayar untuk nyanyian lah. Tahun ini baru dapat *rating*, saya baru masuk.

FAY: Ooo.

GSH: Dulu ----- diaorang tak masuk. Dia tak bayar. Ada yang tak bayar.

FAY: ----- Setiap persatuan itu, encik masuk bila?

GSH: Selang juga lah, selang setahun kot. Setahun dua tahun sekali kot. RPM-

-

FAY: Ingat tahun bila?

GSH: Ha? Tak ingat.

FAY: Tak ingat? (Ketawa).

GSH: Itu bantai [menghentam] boleh tulis. Tak ingat lah tarikh-tarikh saya masuk. Satu lagi persatuan, Yayasan Artis Veteran Malaysia.

NSS: Ooo Yayasan Artis Veteran.

GSH: Okey yang itu dia punya presiden dia, Kismah Johar. Kena tulis itu. Presiden Kismah Johar. Haa itu seniman lah. Itu ya seniman-- Satu lagi, Seniman [Persatuan Seniman Malaysia], Zed Zaidi la kan. Satu lagi, Perwalee.

NSS: Ooo Perwalee. Apa itu?

GSH: Haa Perwalee Malaysia. Perwalee ini persatuan peminat-peminat setia Tan Sri Dr. P. Ramlee. Dia ringkaskan jadi Perwalee.

NSS & FAY: Ooo macam *fans club* [persatuan peminat] lah.

GSH: Haa *fans club*—P. Ramlee. *You all* nak masuk pun boleh tapi dia setahun RM12.

FAY: Ooo.

GSH: Dia bertempat di Ampang--.

FAY: ----- Persatuan ini aktif lah?

GSH: Aktif. Dia ada buat malam bersua kenalkan. Malam-malam- apa nama- malam berwalu Malaysia ke gitu lah. Dia NGO kan haa. Aktif juga.

NSS: Pada pendapat encik kan, macam *fans club* sekarang, depa macam- cara depa tunjukkan minat itu kat artis itu, dia macam *create fans* akaun macam itu kan. Macam dulu takde sosial media semua, macam mana depa- ni berjumpa lah dengan idola? Macam *fans club* itu.

FAY: Berjumpa—Minat--

GSH: Ooo dulu? Dulu dia pakai-- *call-call* je lah. Telefon rumah ada.

FAY: Ooo boleh ke dapat nombor telefon?

NSS: Nombor telefon--

GSH: Sama je. Cuma dulu orang pakai telefon rumah. Jarang orang bagi lah kan. Tak tahu dulu pun ramai juga saya tengok fans club ini.

NSS: Iya? Ooo.

GSH: Surat-menyurat lah haa surat--

NSS: Ooo.

FAY: -----

GSH: Sekarang untung- Posmen senang kan takde surat. Dulu surat banyak.

NSS: Ketika jadi seorang pelakon, ada tak encik jalani sebarang uji bakat lakonan ke?

GSH: Iklan ada lah. Iklan—roti ke. Tapi tak pernah dapat. Tak pernah dapat. Berbeza kalau kita lakonan drama, filem dengan iklan, lain. Tak tahu pandangan diaorang macam mana. Penilaian diaorang macam mana. Tak tahu. Tak boleh nak cakap. Macam mana diaorang punya- pengadil-pengadil. Diaorang pun bukan orang sini kan. Mat salih- Saya berlakon filem India tau. Filem hantu. Wayang itu. Nama dia 'Uruvam'— Nak sebut pun payah [susah]. Saya jadi melayu lah. Saya jadi Azman--. Dia cakap melayu lah. Dia pegawai, yang India itu kerja dengan saya haa. 'Uruvam' ini cerita hantu. Filem India.

NSS: Ooo tahun bila itu?

GSH: Ha?

NSS: Ooo tahun bila itu?

GSH: Apa dia?

FAY: Tahun bila?

GSH: Tahun dia tahun 2001 tak silap saya.

FAY: Oh, kitaorang lahir.

NSS: Baru lahir (Ketawa).

GSH: Tahun 2001. Korang tak lahir lagi ke?

FAY: Baru lahir.

GSH: Baru lahir 2001! Uih mudanya. Adui mudanya hahaha (Ketawa).

FAY & NSS: Hahaha (Ketawa).

GSH: Ye lah bagus juga berinteraksi dengan orang muda kan. Tengok *you all* punya- Pemikiran-- lebih baik, lebih matang, lebih muda, lebih-

NSS: Fresh lah.

GSH: Fresh lagi. Segar-segar. Saya tak berapa segar dah ini.

FAY: Hahaha (Ketawa). Ye lah dah lama dah kan.

GSH: Tapi Alhamdulillah lah orang kata, mata boleh nampak lagi lah kan.

FAY: Alhamdulillah lah.

GSH: Boleh nampak lagi. Orang kata boleh ingat lagi. Haa boleh ingat. Lagu boleh buat lagi.

FAY: Untuk lakonan encik, dari mana encik dapat teknik atau kemahiran nak berlakon itu?

GSH: Apa dia?

FAY: Teknik kemahiran. Kemahiran encik berlakon itu macam mana- dari mana encik--

GSH: Kemahiran saya dapat- Kemahiran- - Mula-mula kecil-kecil saya tengok wayang lah. Tengok wayang, tengok mereka beraksi di filem. Saya balik buat kat rumah. Saya panggil kawan-kawan saya. Contohnya saya tengok filem 'Lela Manja' ke, filem silat ke, filem penarik beca ke. Saya tengok kan. Esok pagi itu, siang itu, cuti sekolah itu kumpul kawan-kawan kan, *"Kau jadi Salleh Kamil ya. Okey. Aku jadi P. Ramlee"*. Panggil perempuan apa nama Zaimah apa itu- Dulu kitaorang kawan campur semua perempuan lelaki (Ketawa). Masa kecil-kecil dulu kan, *"Eh kau boleh- Kau nak main-- lakon-lakon dak? Nak. Haa kau jadi Azizah"*. Contoh gitulah.

FAY: Hahaha Mainan dulu-dulu kan (Ketawa).

GSH: Jadi kita lakonkan balik apa kita tengok di wayang. Haa sampai sekarang ini kalau diaorang tengok gambar lama diaorang macam sedih lah. Dok tayang kat TV kan. Teringat pula kat saya, *"Eh ini S. Azli dulu ingat? Dia ajak kita belakon--"*. Dia akan ingat. Dia *flashback* [Imbas kembali] balik.

FAY: -----

GSH: Kan tayangan gambar melayu hitam putih kan. Seangkatan saya haa, dia akan ingat balik.

FAY: Betul. -----

GSH: Kalau yang otak segar kan haa. Yang tak jumpa berapa puluh tahun tah hilang kemana. Kawan-kawan banyak hilang. Tak jumpa.

FAY: Encik ada masuk kelas apa-apa tak untuk asah teknik dan kemahiran encik?

GSH: Itu lah teater saya masuk. Itu je haa. Hmm.

FAY: Oh teater! Takde -----?

GSH: Takde takde.

FAY: Encik rasa artis macam salah seorang artis sekarang kan, kalau encik boleh kenal, encik rasa siapa yang paling berbakat?

NSS: Yang ada potensi lah.

GSH: Fauziah Nawi ya. Fauziah Nawi-- Kalau lelaki dia- Jalaluddin Hassan, Eman Manan, Ahmad Tarmimi Siregar, Ahmad Yatim.

FAY: Yang lama memang banyak berbakat lah. Kalau yang baru-baru?

GSH: Yang baru-baru ini banyak juga.

FAY: Encik kenal siapa- macam rasa—

GSH: Yang baru-baru ini saya minat lakonan dia, Amyra Rosli.

FAY & NSS: Ooo.

GSH: Dia bagus berlakon budak itu, bagus.

NSS: Haah.

GSH: Amyra Rosli, Nad Zainal. Oh Nad Zainal pun bagus.

FAY: Menjiwai kan.

GSH: Diaorang teater kot na [ya, pelat Pulau Pinang]?

NSS: Dia ada- Dah memang- Dah memang ada bakat daripada teater kan.

GSH: Azizah ----- pun. Nad Zainal. Yang lebih baru lah. Nad Zainal, apa- Amyra Rosli. Ada lagi, Ayda Jebat. Yang lain-lain itu tak nampak—Tak Nampak dia punya—

NSS: Tak begitu menyerlah sangat lah.

GSH: Biasa je. Diaorang ini boleh bagi macam-macam watak haa.

FAY: Betul-betul menjiwai itu.

GSH: Amyra Rosli dah tak berlakon kan? Dia jadi pengacara pula dah sekarang.

FAY: Haah.

NSS: Pengacara 'Nona' kan.

GSH: Sekarang dah naik pelapis baru ini yang banyak keluar suara kan. Diaorang ini dah lepas ke belakang tau.

NSS: Sayang je.

GSH: Dia macam itu lah, bersilih-ganti. Lama-lama orang lupa kita je.

FAY: Hmm (Mengangguk).

GSH: Itu yang dia maksudkan dari apa perlunya media.

FAY: -----

GSH: Haa media dia akan-

NSS: Akan menarik perhatian.

GSH: Media dia akan- Dia akan jumpa temu-ramah balik. Tanya-tanya- Itu media dia akan keluar, *"Masih ingatkah anda dengan Amyra Rosli"*. Contoh lah kan. *"Ketika ini- beliau menjadi suri sepenuhnya dalam rumah tangga"*. Contohlah. *"Tetapi suaminya menggalakkan juga untuk dalam bidang lakonan tapi buat masa ini belum ada tawaran"*. Macam itu lah. Dia kena ini balik hmm.

FAY: Secara spesifiknya, berapa lama dah encik terlibat dalam bidang lakminatonan?

GSH: Haa apa dia?

FAY: Secara spesifiknya, apa ke-

GSH: Lakonan?

FAY: Berapa lama dah haa?

GSH: Eh lama dah.

FAY: Berapa lama? Ingat tak tahun?

GSH: Empat puluh tahun lebih dah.

FAY: -----

GSH: Saya pun dah dekat tua-- saya- FINAS ini muda dari saya. Hahaha
(Ketawa). Saya pun dah empat- tujuh puluh empat haa.

FAY: Susah tak nak jadi pelakon masa-

GSH: Apa dia?

FAY: Mula-mula encik berlakon dulu, susah tak?

GSH: Tak susah. Kalau kita minat, tak susah. Kalau kita tak minat, cuba-cuba nak minat itu susahlah. Kalau kita minat, tak susah sebenarnya. Sekejap je.

FAY: Masa nak masuk nak jadi pelakon, pelakon dengan produksi ini, susah tak?

GSH: Ha?

FAY: Diaorang ambil kita itu- Diaorang ambil encik itu macam mana? Susah tak? Berbeza---

GSH: Dah diaorang *call* kita.

FAY: Ooo.

GSH: Panggil dia mai ambil kat rumah lah.

NSS: Ooo.

GSH: Kan. Dia tanya kita, "*Ada transport [pengangkutan] tak?*" "*Saya takde transport. Saya tak boleh bawa kereta. Anak saya ada lah tapi anak saya pun ke shooting [penggambaran]*". Dia kata, "*Okey okey abang tunggu ini*". Sekian-sekian *time* [masa] dia datang ambillah.

FAY & NSS: (Perbualan berdua).

GSH: Ada perlu di *censored* [ditapis] tak saya cakap? Takde kan?

NSS: Takde.

FAY: Takde, semua okey.

GSH: Takde takpelah.

FAY: Nak tanya lagi sikit.

GSH: Ya.

FAY: Hmm Sepanjang kehidupan encik, encik ada buat *side income* [pendapatan sampingan] tak?

GSH: *Income* macam mana?

FAY: *Side income* maksudnya, selain daripada belakon, ada juga buat ini-macam yang encik ceritakan tadi, encik ada jadi pekerja kerajaan kan. Haa Boleh encik ceritakan sikit?

GSH: Ooo saya kerja. Saya kerja dengan kerajaan. Haa Kenapa?

FAY: Boleh ceritakan sikit?

GSH: Cerita apa?

FAY: Apa ke- masa encik buat *side income* itu? Ada berniaga ke contohnya?

GSH: Berniaga tak ada.

FAY: Takde? Ooo.

GSH: Berniaga saya tak-- Tak jadi lah saya berniaga. *Multi-level* [pelbagai peringkat] ada lah. Saya tak boleh pergi lah *multi-level*, nak jumpa orang, nak cakap. Nak jumpa orang, cakap. Ooo tak boleh. Saya tak minat lah. Saya minat cakap seni saja.

NSS: Bukan bidang kita kan?

GSH: Bukan. Saya kawan dengan saya semua orang seni. Kebanyakannya orang bola pun campur dan orang awam pun campur. Tapi kebanyakannya orang seni lah. Orang seni. Bila boleh bebas, boleh nyanyi. Boleh macam-macam. Kalau orang yang tak minat seni, kita buat soal-saudan ini tegila. Eh, kamu nak gila? Itu ada orang burau macam itu kan? Okey.

FAY: Dah tamat dah sesi temubual.

GSH: Ha?

FAY: Dah tamat dah (Senyum).

GSH: Dah tamat dah? Ooo okey. Eh *you all* tak minum ini macam mana?

FAY: Eh takpe kitaorang nanti—

GSH: Ya?

FAY: Kitaorang nak ucapkan terima kasih lah kepada encik kerana sudi atas kerjasama.

GSH: Sama-sama. Saya pun ucapkan terima kasih.

6.0 Log Temubual

6.0 Log Temubual

BAHAGIAN	LOG	TOPIK	HURAIAN
1	00:01-00:23	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Ghazali bin Shabudin • Dikenali sebagai S.Azli
1	00:24-01:18	Kerjaya awal	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerja di Majlis Pemandaran Ampang Jaya
1	01:19-02:30	Penglibatan awal	<ul style="list-style-type: none"> • Minat yang mendalam dalam bidang lakonan. • Berlakon filem 'Tak Ori Tapi Ok'. • Mula berlakon filem pada tahun 2005. • Membintangi filem 'Roda-Roda' pada tahun 1984. • Memegang watak sebagai hero kedua dalam filem 'Pi Mai Pi Mai Tang Tu'.
1	02:31-03:36	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> • 74 tahun. • Lahir tahun 1948. • Lahir di Permatang Pasir, Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah.
1	03:37-07:37	Sebab-sebab minat dalam bidang nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> • Menyertai kugiran-kugiran kecil di kampung seperti Rockers. • Mula menyanyi di rumah orang kahwin. • Selepas mendapat pengenalan dari orang ramai, kemudian menyertai

			<p>Kugiran Kumpulan Irama Gerimis.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mula mencipta lagu. Antara ciptaannya, Rayuanku.
1	07:38- 09:48	Rutin awal kehidupan	<ul style="list-style-type: none"> • Mula berhijrah di Kuala Lumpur. • Menyanyi sebagai sumber pendapatan kecil.
1	09:49-13:35	Latar belakang keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Bapa, persara tentera. • Mempunyai dua orang adik beradik. • Merupakan anak bongsu. • Menetap bersama nenek sejak kecil di Kulim, Kedah. • Mempunyai adik tiri iaitu dua orang. • Mempunyai jalinan kekeluargaan yang baik dengan keluarga. • Ahli keluarga memberi sokongan penuh terhadap penglibatan dalam bidang seni.
1	13:37-15:43	Sejarah dan tahap pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kulim, Kedah. • Tamat belajar pada darjah enam melayu. • Tidak melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tinggi. • Tidak bergiat aktif dalam bidang seni sepanjang bersekolah.

1	15:43-21:00	Penglibatan awal dalam bidang nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> • Kawan memberi semangat untuk menyanyi. • Cuba menyanyi dengan Irama Malam. • Pernah menyanyi dengan Teruna Ria. • Mendapat sorakan dari orang ramai. • Ahli keluarga menyokong penuh untuk menceburkan diri dalam bidang nyanyian.
1	22:00-24:40	Hobi	<ul style="list-style-type: none"> • Menyanyi, berlakon, mencipta lagu. • Berteater sejak tahun 1976. • Menyertai satu kumpulan teater, iaitu Teater Taman Keramat. • Belajar teater bersama-sama artis veteran lain seperti Pakyob Kidal.
1	24:41-28:37	Ciri-ciri seorang pelakon	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh jadikan teater sebagai panduan. • Sentiasa mematuhi peraturan ketika berlakon. • Perlu ada minat yang mendalam. • Memahami antara satu sama lain.
1	28:38-36:25	Idola	<ul style="list-style-type: none"> • Idola khusus, P. Ramlee. • Turut mengidolakan pelakon-pelakon lama seperti Jins Shamsuddin dan Aziz Jaafar.

			<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan gimik suara idola tersebut.
1	36:26-39:28	Pendapat tentang industri seni	<ul style="list-style-type: none"> • Stesen TV memainkan peranan tak untuk menaikkan semula nama-nama artis veteran. • Siarkan semua cerita-cerita lama. • Pelakon sekarang mempunyai bakat tetapi kena menimba ilmu yang lebih mendalam. • Beri peluang golongan muda untuk berlakon.
1	39:29-41:18	Inisiatif pihak bertanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> • Persatuan Seniman memastikan nasib artis-artis veteran terjamin. • Perjuangkan nasib artis yang tidak mempunyai rumah.
1	41:19-51:15	Pandangan sebagai artis veteran	<ul style="list-style-type: none"> • Filem-filem dulu masih lagi menjadi minat pada masa kini. • Mempunyai perbezaan bayaran untuk penggiat seni dulu dengan sekarang. • Kriteria untuk mejadi seorang penggiat seni mestilah mempunyai persiapan yang baik dan berdisiplin. • Sosial media penting dan mempengaruhi seseorang

			<p>untuk menjadi pelakon.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Segelintir penggiat seni mengejarkan populariti untuk menaikkan nama.
1	51:16-53:27	Kerjaya dalam bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> • Berlakon drama berjudul 'Kamal'. • Turut berlakon drama 'Seri Temiang Purba di Bangsawan TV.
1	53:28-54:42	Latar belakang keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai anak lelaki, Muhammad Asmadi yang turut juga berlakon. • Anak beliau juga merupakan seorang rockers. • Mempunyai tiga orang cahaya mata. • Anak yang ketiga turut berlakon teater.
1	54:43-56:32	Pengalaman dalam bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat tawaran lakonan bertajuk 'Jozlyn, Perang Raya' • Anak beliau merupakan pembantu pengarah ceria tersebut. • Sebagai pelakon teater, beliau sudah mempersiapkan diri dalam bidang lakonan. • Teater mengasah minda supaya pantas untuk berfikir.
1	56:33-57:50	Perkembangan	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi juri jemputan dalam

			<p>persembahan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerima tawaran sebagai seorang pengacara. • Mendapat jemputan menyanyi di Makan Malam Tahunan.
1	57:50-61:08	Sokongan pihak kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak kerajaan menyokong penuh. • Tubuhkan FINAS untuk memperjuangkan nasib artis-artis.
2	1:00:15-1:03:30	Lagu 'Dara Patani'	<ul style="list-style-type: none"> • Ciptaan lirik dan melodinya oleh S. Azli. • Susunan muzik oleh Moha. • Penyanyi Eric Abdullah. • Ciptaan lirik diberi inspirasi oleh Ani, pekerja Thailand yang menetap di Malaysia dan merupakan penghantar air di kedai tomyam berdepan rumah S. Azli.
2	1:03:30-1:05:42	Lagu ciptaan S. Azli yang lain	<ul style="list-style-type: none"> • Lagu 'Cincin Di Jari', nyanyian Mark Over. • 'Kuala Lumpur' • 'Imbasan' • 'Identiti' • 'Insaflah', etc.
2	1:05:42-1:06:37	Lagu ciptaan S. Azli akan datang	<ul style="list-style-type: none"> • 'Joget Bermadu', sambungan daripada 'Madu Tiga', P. Ramlee. • Penyanyi duet lelaki dan perempuan.
2	1:06:37-	Pendapat mengenai	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan

	1:07:57	bakat dan kualiti filem yang diprodusikan oleh bidang produksi pada era kini	pendapatnya bahawa bidang produksi pada zaman kini kurang mempromosikan filem yang berkualiti dan berbakat.
2	1:07:57- 1:13:07	Pendapat mengenai kualiti seni muzik di Malaysia pada era kini	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan pendapatnya bahawa ada muzik yang berkualiti Cuma muzik dan filem perlu seiring untuk penghayatan filem atau drama yang lebih mendalam. • Beliau juga ada mengatakan pendapatnya bahawa filem dahulu banyak menusuk kalbu atas salah satu sebabnya skrip dialognya yang baku dan ringkas tapi penuh bermakna serta pengajaran jalan cerita yang dapat diambil oleh penonton.
2	1:13:07- 1:14:04	Pendapat mengenai tahap kelalaian muzik pada era kini	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan pendapatnya bahawa muzik pada era kini kurang nilai dan pengajarannya tetapi bergantung kepada kualiti sesuatu lagu.
2	1:14:04- 1:18:57	Pendapat mengenai muzik pada era kini kebertentangan adat ketimuran dan agama	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan pendapatnya bahawa kebanyakan muzik pada era kini tiada tujuan dan adat budaya yang semakin

			<p>ditinggalkan dimana Malaysia sewajarnya naikkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Beliau ada juga mengatakan artis seni masih perlu mendengar arahan penerbit dalam pengurusan seni walaupun penerbit dan pengarah tersebut memberi hasil yang tidak berkualiti.
2	1:18:57- 1:21:57	Teater Pertama S. Azli	<ul style="list-style-type: none"> • Teater pertama di Teater Seri Perak yang berpusat di Kompleks Budaya Negara. • Teater merupakan kelas lakonan dan pengasah bakat dalam lakonan. • Pengarah teater pertama adalah Mentari Raman. • Amat Tarmimi Sarigar itu. Amat Tarmimi Sarigar, Ahmad Yatim budak teater. Mior Hashim Manap, Izzaidah Khairan, Fauziah Nawi, Ibrahim Aqil adalah merupakan beberapa artis veteran yang turut terlibat dalam pementasan teater dan artis-artis tersebut adalah daripada kumpulan yang berbeza. • Artis yang sama kumpulan dengan S. Azli di teater

			<p>tersebut adalah Sani Sudin.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Umur S. Azli ketika itu ialah sekitar 27-30. • Beliau juga ada mengatakan sambutan penonton terhadap teater tersebut adalah baik.
2	1:21:57- 1:23:56	Pendapat mengenai bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan pendapat beliau bahawa, lakonan itu adalah sebuah persembahan dimana moral, di sikap, menasihati, dan lakonan itu dapat disampaikan kepada penonton atau kata lainnya penonton menjiwai.
2	1:23:56- 1:25:20	Keterlibatan dalam bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau sendiri yang membawa beliau ke dalam dunia lakonan atas minatnya yang mendalam. • Di samping itu, Kamarul AR juga disebutnya sebagai salah seorang kawan teaternya di Teater Seri Perak yang memberi semangat kepadanya dalam industri lakonan.
2	1:25:20- 1:28:01	Pelakon veteran yang masih rapat bersama-sama berlakon sehingga kini	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau berkata bahawa tiada artis yang daripada dulu rapat sehingga sekarang tetapi yang rapat berlakon sekarang adalah Rahim Razali.

2	1:28:01- 1:31:05	Penerimaan pandangan negatif setelah menceburi bidang lakonan	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan beliau belum pernah menerima sebarang pandangan negatif dan bersyukur kerana sentiasa menerima sokongan positif sepanjang berada dalam industri seni terutamanya seni lakonan.
2	1:31:05- 1:33:58	Alat muzik kombo	<ul style="list-style-type: none"> • Drum • Recorder • Flute • Trumpad • Violin • Saiz alat muzik adalah kecil dan lebih kecil dan sedikit kuantitinya berbanding orchestra.
2	1:33:58- 1:36:20	Persatuan artis yang terlibat	<ul style="list-style-type: none"> • Yayasan Artis Veteran • Music Authors Copyright Protection (MACP) Berhad • Recording Performers Malaysia (RPM) • Persatuan Seniman Malaysia • Perwalee
2	1:36:20- 1:37:05	Pendapat mengenai perbezaan peminat dulu dan kini	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau berkata bahawa peminat dulu akan menghubungi idola mereka melalui telefon rumah dan surat-menyurat.
2	1:37:05- 1:38:40	Uji bakat	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau ada menjalani uji bakat iklan roti sahaja tetapi

			<p>malangnya beliau tidak dapat kerana kriteria untuk lakonan, filem dan iklan adalah berbeza.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Beliau juga ada mengatakan bahawa beliau pernah berlakon dalam filem hantu india yang bertajuk 'Uruvam' pada tahun 2001. Beliau memegang watak sebagai pegawai Melayu.
2	1:38:40- 1:40:15	Kemahiran lakonan dan kelas pengasah teknik kemahiran	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mendapatkan kemahiran berlakon melalui tontonan filem di panggung wayang dan kemudian beliau akan lakonkan semua watak yang ditonton di rumah. • Teater merupakan platform untuk beliau mengasah bakat beliau dalam industri lakonan.
2	1:40:15- 1:42:13	Pendapat terhadap artis kini yang berbakat	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan beliau suka lakonan Amyra Rosli, dan Zainal dan Ayda Jebat atas lakonan mereka yang sangat menjiwai watak yang diberi.
2	1:42:13- 1:42:35	Tempoh dalam industri lakonan	<ul style="list-style-type: none"> • 40 tahun lebih.
2	1:42:35-	Kesusahan menjadi	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan bahawa

	1:42:54	pelakon pada awalnya	ianya tidak susah jika seseorang itu betul-betul minat dengan profession tersebut.
2	1:42:54- 1:43:55	Pengambilan oleh bidang produksi	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan tidak susah dan bidang produksi hanya akan menghubungi beliau.
2	1:43:55- 1:57:07	Side income	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau tidak pernah berniaga kerana beliau tidak mempunyai minat untuk aktiviti pemasaran yang memerlukan komunikasi yang meluas.

7.0 Ralat

7.0 Ralat

Temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh telah dijalankan Bersama Encik Ghazali Bin Shabudin yang merupakan seorang artis veteran dalam bidang industri seni tanah air Malaysia. Sesi temubual ini dijalankan secara bersemuka pada tarikh 6 Januari 2023 pada jam 3 petang di ruangan menunggu dalam bangunan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Ampang, Selangor. Dengan ini, sesi temubual ini berjalan dengan lancar. Namun begitu, terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat dielakkan sepanjang sesi temubual berlangsung. Antara gangguan yang dapat dikesan sepanjang temubual ini berjalan seperti berikut:

- Gangguan orang ketiga.
- Gangguan orang lalu-lalang.
- Gangguan teknikal.

Walaupun semasa sesi temubual ini berlangsung terdapat beberapa gangguan tersebut, temubual ini masih dapat diteruskan dan berjalan dengan lancar dan baik secara keseluruhannya. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh yang terlibat iaitu Encik Ghazali Bin Shabudin atas Kerjasama dan ilmu yang dikongsikan sepanjang sesi temubual berlangsung.

8.0 Glosari

8.0 Glosari

A

Amarah

Marah: tidak dapat menahan nafsu.

Adat

Peraturan yg sudah diamalkan turun-temurun sejak dahulukala di dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum dan peraturan yg harus dipatuhi.

B

Baku

Utama; penting.

Babak

Bahagian daripada suatu lakonan.

Besan

Hubungan yg terjalin antara ibu bapa mentua dgn ibu bapa sendiri.

Bersara

Berhenti bekerja apabila mencapai umur tertentu kerana lanjut usia atau atas sesuatu sebab.

Berhijrah

Berpindah, meninggalkan sesuatu tempat untuk pergi ke tempat lain.

Biola

Alat muzik yg dimainkan dgn penggesek, rupanya seperti violin, tetapi lebih besar sedikit dan mengeluarkan bunyi yang lebih rendah.

C

Canggih

Moden dan kompleks.

E

Elaun

Bayaran yg diberikan kepada seseorang, oleh sesebuah organisasi secara tetap untuk melaksanakan sesuatu tugas.

F

Forum

Majlis perbincangan, bertukar-tukar pendapat tentang sesuatu perkara dan terbuka kpd orang ramai.

G

Gerun

Takut, ngeri.

I

Industri

Perusahaan secara besar-besaran.

Impak

Kesan yang ketara.

J

Judul

Tajuk.

K

Kugiran

Kumpulan gitar rancak.

Kriteria

Dasar atau ukuran untuk menentukan nilai kategori sesuatu.

Komplot

Rancangan atau pa-katan sulit bertujuan melakukan kekacauan.

Klasik

Mempunyai sifat-sifat yg lama atau yg tidak dipakai lagi.

Kalbu

Hati, sanubari.

Kombo

Kumpulan kecil ahli muzik (terutama-nya yg memainkan irama jaz).

L

Lontar

Membaling, melempar.

M

Menjejaskan

Mendatangkan kesan tidak baik.

P

Panggung

Sebuah bangunan atau struktur di mana lakonan teater atau persembahan lain seperti konsert dipersembahkan atau dimainkan.

Produser

Penerbit filem, drama.

Pangkat

Tinggi rendah kedudukan atau martabat seseorang dalam masyarakat.

R

Rebana

Sejenis gendang yang di sebelah sahaja dipasang kulit.

S

Skrip

Cerita dan lain-lain yang bertulis, bertaip dan sebagainya.

Setimpal

Sama taraf atau sama kedudukannya.

Selidik

Cermat serta teliti ketika melakukan sesuatu.

Seiring

Bersama-sama berjalan.

Sindir

Mengatakan sesuatu untuk mengejek atau untuk mencela dengan cara tidak terus terang.

T

Tazkirah

Ceramah ringkas tentang agama Islam sebagai peringatan.

Tempo

Ukuran waktu pada muzik.

Teater

Sebarang perlakuan kisah atau cerita dalam satu kawasan yang ditentukan sebagai pentas untuk perlakuannya dan menuntut pergerakan fizikal.

Tergempar

Dengan sangat tiba-tiba.

V

Veteran

Orang yang telah banyak pengalamannya dalam sesuatu perkara.

9.0 Indeks

9.0 Indeks

A

Amarah 42

Adat 107, 108

B

Baku 104

Babak 39, 109, 116, 119

Besan 85, 86

Bersara 11, 16, 28, 90

Berhijrah 18, 27, 32

Biola 103

C

Canggih 15

E

Elaun 33

F

Forum 39

G

Gerun 103

I

Industri 24, 43, 58

Impak 47

J

Judul 78, 94, 99, 112

K

Kugiran 16, 17, 18, 19, 20, 27, 28, 29, 30, 31

Kriteria 67, 71

Komplot 79

Klasik 95, 97, 99, 126

Kalbu 105

Kombo 122, 126, 127

L

Lontar 133

M

Menjejaskan 10, 11

P

Panggung 12, 36, 43, 115

Producer 10

Pangkat 96

R

Rebana 36, 108

S

Skrip 38, 39, 68, 86, 87, 125

Setimpal 59, 64

Selidik 65

Seiring 102, 103, 104

Sindir 100, 123

T

Tazkirah 112

Tempo 29

Teater 34, 35, 36, 37, 38, 39, 57, 58, 67, 78, 85, 87, 90, 112, 113, 114, 115, 118, 119, 124, 139, 140, 141

Tergempar 51

V

Veteran 44, 53, 55, 58, 64, 90, 91, 119, 131, 133

10.0 Bibliografi

10.0 Bibliografi

- Jannatul Iza Ahmad Kamal, Nik Azliza Nik Ariffin, Jafalizan Md. Jali, Aliza Ismail. (2021). MindAppz. In MindAppz. UiTM. <https://mindappz.com/Academic/ProductDetail?i=PvDqzT8biCQ%3D>
- Idan. (n.d.). S. Azli selesa di rumah. DesaTualang@Jenaris. Retrieved January 4, 2023, from <http://desatualang.blogspot.com/2011/05/s-azli-selesa-di-rumah.html>
- Wikipedia. (n.d.). Ghazali Shabudin. Wikiwand. Retrieved January 4, 2023, from https://wikiwand.com/ms/Ghazali_Shabudin
- W. A. (2022, September 3). Apa Itu Lakonan? Eksentrika: Arts Community • Artist Registry • Asian Arts Magazine. <https://www.eksentrika.com/apa-itu-lakonan/>
- Kamilah, N. I. (n.d.). Seni Lakon. <https://nurimankamilah.blogspot.com/2008/08/seni-lakon.html>
- Farihad S. M., Serimah M. S. (2021). <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>

11.0 Lampiran

11.0 Lampiran

11.1 Biografi Tokoh



Tokoh Artis Veteran	
Nama	Ghazali bin Shabudin
Nama samaran	S.Azli
Tahun Lahir	1948
Tempat Lahir	Bukit Mertajam, Pulau Pinang
Alamat	Permatang Pasir, 13600 Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
Nombor Telefon	013-6391446
Profesion	Pelakon, penyanyi, pelawak, komposer
Bidang	Lakonan, nyanyian

11.2 Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Ghazali bin Shabudin K/P: pada
6.1.2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disenai oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
(Ghazali Bin Shabudin)

Tarikh: 6.1.2023



.....
(Jafalizon bin Md.Jali)

b.p.Dekan

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

11.3 Surat Pengakuan Penerimaan Salinan Transkrip

www.uitm.edu.my										
	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA									
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media										
Surat Kami	: 600-FPM (5/2/1)									
Tarikh	: 6 Dec 2022									
En. Ghazali bin Shabudin Yayasan Artis Veteran Malaysia, No. 61, Jalan 2, Taman Sri Cheras Jaya, 43200, Cheras, Selangor.										
Tuan,										
MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK										
Perkara di atas adalah dirujuk.										
Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berhasrat untuk menemubual En. Ghazali bin Shabudin bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan kehidupan tuan sepanjang berkarya dalam bidang seni.										
2. Tugas ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus " Oral Documentation " atau Pendokumentasian Lisan (IMR 604) .										
3. Senarai nama pelajar yang terlibat:-										
<table border="1"><thead><tr><th>NAMA</th><th>NO. PELAJAR UiTM</th><th>NO. TEL.</th></tr></thead><tbody><tr><td>Farah Amira Binti Mohamad Yusof</td><td>2022745817</td><td>011-69399699</td></tr><tr><td>Nurul Syahirah Binti Mohd Shaiffe @ Mohd Shafie</td><td>2022908143</td><td>011-40208268</td></tr></tbody></table>	NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.	Farah Amira Binti Mohamad Yusof	2022745817	011-69399699	Nurul Syahirah Binti Mohd Shaiffe @ Mohd Shafie	2022908143	011-40208268	
NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.								
Farah Amira Binti Mohamad Yusof	2022745817	011-69399699								
Nurul Syahirah Binti Mohd Shaiffe @ Mohd Shafie	2022908143	011-40208268								
4. Untuk rujukan pihak tuan, berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:										
a) Mengkaji latar belakang tuan. b) Mengkaji sejarah sepanjang tuan berkarya. c) Mengenal pasti cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya tuan.										
4. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.										
Sekian.										
Yang benar,										
JAFALIZAN BIN MD JALI Pensyarah Kanan b.p Dekan Pengajian Sains Maklumat										
Kompleks Al-Khawarizmi Universiti Teknologi MARA 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan MALAYSIA Tel: (+603) 5543 5329 / 5307 / 4860 Faks: (+603) 5543 5501										
 UiTM <i>di hati</i>										

11.4 Senarai Soalan

Soalan Orientasi

- 1. Boleh encik ceritakan sedikit tentang latar belakang encik?**
 - Apakah nama penuh encik?
 - Berapakah umur encik?
 - Bilakah dan dimana encik dilahirkan?
 - Kiranya bila encik mula menetap di KL?
 - Adakah disebabkan terlibat dengan lakonan?

- 2. Boleh encik ceritakan sedikit tentang ahli keluarga encik?**
 - Siapa nama ayah dan ibu encik?
 - Berapakah umur ayah dan ibu encik?
 - Apakah pekerjaan mereka?
 - Berapakah bilangan adik beradik encik?
 - Encik anak yang keberapa?
 - Adakah ahli keluarga encik yang turut menceburi bidang seni?
 - Adakah adik beradik encik ada yg mengikut jejak encik utk menjadi seorang penggiat seni?
 - Adakah keluarga encik, isteri dan anak-anak memberi sokongan terhadap penglibatan encik dalam industri seni?
 - Apakah reaksi mereka?

- 3. Boleh encik ceritakan sedikit tentang latar belakang pendidikan encik dari awal?**
 - Dimanakah encik mendapatkan pendidikan awal encik?
 - Adakah encik bergiat aktif dalam bidang seni sepanjang encik bersekolah?
 - Encik ada dapat apa-apa anugerah tak semasa di sekolah?
 - Adakah encik mendapat sumber pendapatan melalui bidang seni ketika di bangku persekolah tersebut atau sekadar mengisi masa lapang?

- 4. Apakah hobi encik semasa encik mempunyai masa lapang?**

Soalan Umum

a) IDOLA

1. Dalam industri seni, siapakah yang menjadi idola encik?

- Mengapa beliau menjadi idola encik?
- Bagaimana idola tersebut memberi impak kepada encik dalam kehidupan?
- Adakah encik pernah berjumpa dengan idola encik?

b) PENDAPAT / PANDANGAN

1. Pada pandangan encik, adakah stesen tv memainkan peranan yg besar utk menaikkan semula nama-nama artis veteran?
 - Cthnya macam siarkan cerita cerita lama supaya generasi muda dapat mengenali artis-artis veteran Malaysia yang berbakat besar.
2. Apakah pendapat encik mengenai kemunculan ramai artis-artis segera melalui rancangan realiti TV ini?
3. Seterusnya, apakah inisiatif yang dilakukan oleh persatuan seniman dalam industri seni bagi memastikan nasib artis-artis veteran ini terjamin?
4. Pada pandangan encik, kenapa filem-filem dulu masih menjadi minat pada masa kini? Macam tak lapuk dek zaman orang cakap.
5. Pada pendapat encik juga, mengapa ada perbezaan bayaran antara penggiat seni dahulu dan sekarang?
 - Adakah sbb faktor usia, dll?
6. Seperti yang encik lihat situasi sekarang, adakah kriteria untuk menjadi seorang pelakon itu memerlukan pakej yg lengkap?
 - Maksudnya macam kena ada rupa, bakat tu tak berapa sangat ke?
7. Adakah encik rasa followers di media social itu mempengaruhi seseorang pelakon? Sebagai contoh, yang kita lihat pada hari ini banyak syarikat produksi lebih memilih insta famous berbanding pelakon yang berbakat dan berpengalaman. Apakah pendapat encik?
8. Bagaimana pula tentang artis sekarang yang hanya mengejar populariti. Apa pendapat encik?
9. Bagaimanakah perbezaan pelakon dulu dan sekarang dari segi disiplin diri/attitude mereka?

10. Pada pendapat encik, apakah inisiatif kerajaan dalam memberi sokongan penuh dalam industri seni?
 - Adakah kerajaan membantah atau memberikan dana yang secukupnya?
 - Bagaimanakah kerajaan membantu artis-artis veteran dalam bidang seni?
11. Adakah filem-filem sekarang lebih kepada mempromosikan filem semata-mata atau lebih kepada bakat dan kualiti?
12. Pada pendapat encik, adakah pendidikan muzik atau seni yang terdapat di negara kita ini mencukupi?
13. Pada pendapat encik, adakah muzik itu melalaikan?
14. Apakah pandangan encik tentang kewujudan genre muzik yang bertentangan dengan adat ketimuran dan agama pada masa kini? Cthnya muzik black metal.

Soalan Khusus

a) TEATER

1. Siapa sebenarnya disebalik nama S. Azli ni?
2. **Seperti yang kami tahu, encik mulakan karier seni encik dengan teater. Jadi, boleh encik ceritakan sedikit tentang judul teater pertama encik?**
 - Ia mengisahkan tentang apa?
 - Siapa pengarah untuk teater itu?
 - Dimana lokasi teater itu dijalankan?
 - Siapakah artis yang terlibat dalam pementasan teater itu?
 - Berapa banyak teater yang telah dipentaskan setakat ini?
 - Masa itu, berapakah umur encik?
 - Adakah teater encik ketika mendapat sambutan ramai?
 - Anggaran berapa banyak tiket teater terjual ketika itu?

b) LAKONAN

1. Pada pendapat encik, apakah yang dimaksudkan dengan dunia lakonan?
 - Apakah itu bidang lakonan?
2. Adakah menjadi lakonan merupakan cita-cita encik sejak kecil?
3. **Siapakah yang membawa encik ke dalam bidang lakonan?**
 - Adakah orang tersebut yang menggalakkan encik untuk masuk ke dalam bidang lakonan?
 - Siapakah pelakon veteran yang bersama-sama encik berlakon dulu yang encik masih rapat?
 - Ada tak orang sekeliling encik masa tu yang memberi pandangan negatif terhadap encik untuk menjadi pelakon?
 - Bagaimana encik menangani tanggapan negatif itu daripada dulu sampai sekarang?
4. **Ketika menjadi seorang pelakon, adakah encik telah menjalani sebarang ujibakat?**
 - Ujibakat itu untuk apa?
 - Dimanakah lokasi ujibakat?
 - Suasana ujibakat?
 - Ramai tak beratur time tu?
 - Perasaan encik ketika itu?
 - Ada artis lain yang terlibat ketika ujibakat sedang berlangsung?
 - Dari manakah encik mempelajari teknik atau kemahiran lakonan encik?
 - Adakah encik ada menyertai kelas lakonan dan sebagainya?
5. Secara spesifiknya, sebenarnya kalau dikira berapa lama encik telah melibatkan diri dalam bidang industri lakonan?
6. Adakah sukar untuk menjadi seorang pelakon pada zaman dulu?
 - Apa bezanya dengan menjadi seorang pelakon pada masa kini?
7. Adakah encik ada side income?

11.5 Diari Penyelidikan

Tarikh dan Masa	Platform / Lokasi	Tindakan
<p>20 Oktober 2022 11:00 am</p>	<p>Makmal Sejarah Lisan, UiTM Puncak Perdana dan WhatsApp</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah Jafalizon Bin Md Jali menyampaikan penerangan secara umum tentang tugas yang perlu dilaksanakan pada semester semasa iaitu yang berkaitan tentang sejarah lisan. • Pensyarah memaklumkan bahawa tajuk tugas dan skop bidang tokoh adalah bebas. • Pensyarah membenarkan kami untuk memulakan sesi pencarian tokoh. • Pensyarah memberikan template kertas cadangan dan surat permohonan temubual di platform WhatsApp.
<p>26 Oktober 2022 12:20 pm</p>	<p>WhatsApp</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memaklum kepada pelajar untuk membuat senarai ahli kumpulan yang merupakan hanya dua orang untuk satu kumpulan.
<p>27 Oktober 2022 11:00 am</p>	<p>Makmal Sejarah Lisan, UiTM Puncak Perdana</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kami mula berbincang untuk pengambilan tokoh dan skop bidang tokoh.

		<ul style="list-style-type: none"> • Kami meminta cadangan tokoh daripada pensyarah. • Pensyarah mencadangkan dan memberi nombor telefon tokoh artis veteran daripada Yayasan Artis Veteran Malaysia iaitu Encik Badrul Muhayat.
3 November 2022 11:00 am	Makmal Sejarah Lisan, UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memberi syarahan mengenai etika menemubual.
4 November 2022 5:38 am	WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memberikan surat kebenaran penyelidikan akademik untuk pelajar isi nama tokoh pilihan masing-masing dan perlu berikan kepada pensyarah untuk ditanda tangan.
8 November 2022 2:06 pm	WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memberikan surat perjanjian mengenai sejarah lisan yang perlu diisi oleh tokoh pilihan.
10 November 2022 11:00 am	WebEx	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memberi syarahan mengenai teknik membuat soalan untuk diajukan kepada tokoh.
18 November 2022 11:18 am	WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Kami telah menyiapkan surat kebenaran penyelidikan akademik dan surat tersebut telah

		<p>disemak oleh pensyarah melalui platform WhatsApp.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Setelah mendapat kelulusan oleh pensyarah, kami terus menghubungi Encik Badrul Muhayat melalui platform WhatsApp. • Tarikh dan tempat temubual masih dalam perbincangan bersama Encik Badrul Muhayat mengikut kelapangan masa beliau.
21 November 2022 10:19 pm	WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memberikan panduan penulisan laporan.
25 November 2022	Di rumah masing-masing	<ul style="list-style-type: none"> • Pembahagian tugas untuk kertas cadangan telah dilakukan. • Kami mula membuat kertas cadangan mengikut pembahagian masing-masing.
1 Disember 2022 W7 11:00 am	Makmal Sejarah Lisan, UiTM Puncak Perdana dan WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah meminta pelajar untuk merekodkan skrip pembukaan dan penutup temubual.
2 Disember 2022 1.39 pm	Makmal Sejarah Lisan, UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memberi syarahan dan penerangan lanjut mengenai teknik temubual.
5 Disember 2022	WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Kami mendapat panggilan

10.30 am		<p>daripada Encik Badrul Muhayat yang memaklumkan kepada kami bahawa beliau tidak dapat meneruskan temubual atas urusannya yang tidak dapat dielakkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kami WhatsApp pensyarah untuk mendapatkan cadangan nombor tokoh yang baharu daripada senarai Yayasan Artis Veteran Malaysia dan pensyarah memberikan nombor Encik S. Azli atau nama sebenarnya Ghazali Bin Shabuddin. • Kami membuat semula surat kebenaran penyelidikan akademik dan mendapatkan kelulusan oleh pensyarah.
6 Disember 2022 10:00 pm	Pangsapuri Alam Budiman, Setia Alam, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Kami membuat pencarian mengenai tokoh-tokoh yang lain dan mendapatkan nombor mereka sebagai <i>back-up</i> tambahan.
7 Disember 2022 11:47 am	WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Kami menghubungi Encik S. Azli dan mendapatkan persetujuan S. Azli terlebih dahulu.
8 Disember 2022	Makmal Sejarah Lisan,	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memberi

11:00 am	UiTM Puncak Perdana dan WhatsApp	syarahan mengenai cara penyediaan laporan transkrip. <ul style="list-style-type: none"> • Kami menghubungi semula Encik S. Azli untuk perbincangan tarikh dan tempat temubual.
12 Disember 2022 1:00 pm	WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Kami WhatsApp 12 tokoh artis hasil pencarian kami sebagai <i>back-up</i> dan kebanyakan tidak bersetuju untuk ditemubual.
22 Disember 2022 11:56 am	fWhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memberikan pautan laman web ke buku panduan penulisan buku transkrip yang ditulis oleh pensyarah sendiri dan beberapa pensyarah yang lain.
23 Disember 2022 10:30 pm	Pangsapuri Alam Budiman, Setia Alam, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Kami membuat semula kertas cadangan kajian mengenai tokoh Encik S. Azli mengikut pembahagian masing-masing.
26 Disember 2022 5:06 pm	WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Tarikh temubual Bersama Encik S.Azli telah ditetapkan pada 5 Jan 2023 untuk pendahuluan temubual dan 6 Januari 2023 untuk temubual sebenar.

<p>4 Januari 2023 8:00 pm</p>	<p>Pangsapuri Alam Budiman, Setia Alam, Selangor</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai soalan yang ingin diajukan kepada tokoh telah dibuat. • Kami membuat sedikit pencarian dan ulangkaji mengenai Encik S. Azli.
<p>5 Januari 2023 11:00</p>	<p>Makmal Sejarah Lisan, UiTM Puncak Perdana</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai soalan disemak oleh pensyarah dan beberapa soalan perlu dibetulkan.
<p>6 Januari 2023 3:00 pm</p>	<p>Bangunan FINAS (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia), di Ampang Jaya, Selangor</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Surat perjanjian mengenai sejarah lisan ditanda tangani oleh Encik S. Azli sebelum memulakan temubual. • Temubual sebenar dijalankan Bersama Encik S. Azli selama dua jam lebih.
<p>11 Januari 2023 10:00 pm</p>	<p>Pangsapuri Alam Budiman, Setia Alam, Selangor</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Nurul Syahirah mula menaip tiga muka surat pertama transkrip. • Manakala, Farah Amira mula menaip laporan buku transkrip dengan menetapkan format dan sebagainya.
<p>19 Januari 2023 11:00 am</p>	<p>Makmal Sejarah Lisan, UiTM Puncak Perdana</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah menyemak tiga muka surat pertama transkrip untuk pembetulan. • Pensyarah memberi

		<p>tugas baru iaitu artikel mengenai hasil kajian menemubual tokoh dan video untuk disiarkan di Youtube terhadap kajian temubual yang telah dijalankan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memaklumkan bahawa waktu penyerahan cetakan buku transkrip adalah minggu selepas minggu ulangkaji. • Kami berbincang dan membuat pemilihan terhadap tajuk artikel.
26 Januari 2023 4:58 am	Makmal Sejarah Lisan, UiTM Puncak Perdana	<ul style="list-style-type: none"> • Pensyarah memaklumkan bahawa tarikh penyerahan digital buku transkrip dan artikel adalah pada 29 Januari 2023.
27 Januari 2023 2:00 am	Di rumah masing-masing	<ul style="list-style-type: none"> • Kami menyiapkan transkrip temubual.
28 Januari 2023 1:00 am	Di rumah masing-masing	<ul style="list-style-type: none"> • Kami menyiapkan laporan buku transkrip dan artikel penyelidikan.
29 Januari 2023	uFuture	<ul style="list-style-type: none"> • Penyerahan digital buku transkrip dan artikel.
8 Februari 2023	Bilik pensyarah	<ul style="list-style-type: none"> • Penyerahan cetakan buku transkrip.

11.6 Gambar dan bahan lain yang berkaitan



Farah Amira dan Nurul Syahirah bersama S. Azli di depan pintu gerbang bangunan FINAS



Sesi temubual bersama S. Azli





Pada 1966, S. Azli berusia enam belas tahun sebagai salah seorang penyanyi kugiran Pipit Muda, dipimpin oleh Nordin Osman di kampungnya, Permatang Pasir, Permatang Pauh, Pulau Pinang.



Pada era 80an, pementasan teater bertajuk 'Seruan Damai' di Kampung Seri Ampang dimana S. Azli sebagai watak Datok Garak yang kejam.




Pada era 80an, persembahan teater di panggong Bandaraya Megat Terawis dimana S. Azli sebagai watak Tengku Ngah dari kumpulan teater astaka.



Pada era 80an, S. Azli bersama ahli-ahli persatuan teater astaka yang diketuai oleh arwah Zain Yahya.



Pada era 80an, panggong drama RTM, 'ND La La', tayangan tv1.




S. Azli bersama Jamaludin Hitam menyertai 'Bakat tv1977', anjuran RTM, penerbit Abdullah Harun. Nama kumpulan mereka ialah kumpulan 'Jazli' dan penyertaan mereka setakat separuh akhir sahaja.

berikut ini September, 1978 di Dewan Sri Penang. Artis artis lain yang turut sama dalam pertandingan itu nanti ialah Noor Kumalesari dan artis artis tempatan. 7 September, 1978 bertam- pat di Stadium Kubu Ma- lazir. Turut menayangkan ialah Jaja, dan Noor Kumalesari, dan Noor Azlin Triand, dan Noor Hani Septem, dan Noor Zainam pada di 10 September, 1978 FELDA, dan Noor An- unjukan Noor Anwar oleh aram Priyanti, dan dengan artis artis tempatan, Latiff lah Rijak, dan Formadiah roup dan Jaja Band. 10 ptember, 1978 di Padang ar, Tamariah, Pahang. HAIL AMIR; Dua per- jukan pentas yang di- ahui Hail Amir juga tu- menjayakannya ialah a 5 September, 1978 di awerihan anjuran Noor am dan 8 Septambar, 78 di Kulim, Kedah. DHALAN ZAJNUDDIN; o "Kisah Biduan" ini i menemui peminat- di Raub, Pahang pada 8ptember, 1978. An- artis yang turut men- en ialah Noor Kumala- ormadiyah Group dan h Abdul Rahman.

KUMPULAN LAWAK JAZLI SEBOK DENGAN STAGE SHOW

KUALA LUMPUR – Kumpulan lawak JAZLI yang telah berjaya mema- suki pertandingan separuh akhir Bakat '78 turut se- bok memenuhi undangan stage show sepanjang mu- sim raya puasa ini. Turut bersama dalam kumpulan itu nanti ialah pelawak wanita pendatang baru Rokiah Ibrahim. Antara

tempat yang akan diadakan oleh kumpulan ini ialah: 15 September, 1978 di Lenggong, Perak. 16 September, 1978 di Padang Sekolah Sungai Damansara, Selangor. 17 September, 1978 di Serek Bermanas, 18 September, 1978 di Padang Sekolah Sungai Damansara, Selangor. Keputusan akan diumumkan pada 20 September oleh ANUAR KADPARI. Kepada pihak penganjur yang ingin mengundang kumpulan ini bolehlah ber- tubung dengan Sham Tun Salleh atau telefon: 634404 atau 634455. 📞



BAKAT TV

Keratan akhbar mengenai penyertaan S. Azli dan Jamaludin Hitam dalam 'Bakat tv1977'.



Pada era 90an, S. Azli sedang menyunting drama bersiri 'Sesat Dalam Cahaya' bersama pelakon veteran Ed Osmera di Raub, Pahang.



S. Azli Bersama penyanyi pop yeh yeh, S. Mariam sedang menjalankan show yang dijalankan oleh Tengku Abdul Rahman di Kuala Lumpur.



S. Azli bersama arwah seniman negara, Raman B iaitu bangsawan bintang timur.



Pada 2016, S. Azli menjalankan show di Kuala Lumpur bersama Yayasan Artis Veteran dan Tokoh Warisan Boria, Omara dari Pulau Pinang.



S. Azli bersama naib johan bintang RTM, Najib Hanif.